

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2023

HARI KHAMIS : 16 FEBRUARI 2023

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 10 HINGGA NO. 57)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN
[SIK]**

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan hala tuju Kementerian secara holistik bagi mengukuhkan aliran pendidikan nasional yang bertunjangkan Falsafah Pendidikan Negara untuk menghasilkan generasi 'watani' di peringkat rendah dan menengah serta universiti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) masih meneruskan matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan dengan memfokuskan kepada kemenjadian murid seperti dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Dasar Pendidikan Kebangsaan merupakan satu dokumen yang menggambarkan aspirasi kerajaan dalam menentukan hala tuju pendidikan negara dan menjadi teras serta sumber rujukan dalam merancang dan melaksanakan setiap program pendidikan. Selain daripada dasar teras tersebut, KPM juga merangka pelan pendidikan jangka panjang seperti Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025 yang menggariskan strategi dan inisiatif bagi mengupayakan peningkatan kualiti sistem pendidikan kebangsaan.

SOALAN NO : 10

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, konsep 'watani' yang dinyatakan adalah dihubungkan dengan semangat patriotik. Oleh yang demikian, pelaksanaan kurikulum persekolahan menumpukan kepada nilai patriotisme dan identiti nasional ke arah melahirkan generasi yang patriotik. Nilai tersebut telah diajar menerusi kandungan mata pelajaran Sejarah yang disepadukan dengan kemahiran serta Elemen Kewarganegaraan dan Nilai Sivik dari peringkat prasekolah hingga lepasan menengah. Matlamat akhir pembelajaran adalah untuk membentuk warganegara mempunyai jati diri dan berkeperibadian Malaysia yang patriotik berlandaskan prinsip-prinsip rukun negara serta berteraskan Perlembagaan Persekutuan bagi membentuk masyarakat yang progresif dan bersaing dalam era globalisasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada aspek kurikulum, penghayatan nilai patriotisme dalam kalangan murid diperkukuhkan lagi dalam aktiviti kokurikulum menerusi pelibatan dalam badan beruniform yang diwajibkan kepada semua murid. Di samping itu, nilai ini dapat diterapkan menerusi aktiviti kelab dan persatuan seperti Kelab Rukun Negara (KRN) dan Kelab Malaysiaku.

Dalam konsep Malaysia MADANI juga, nilai Kesejahteraan, Hormat, Keyakinan dan Ihsan merupakan perkara turut terkait rapat dengan patriotisme yang sentiasa ditekankan oleh KPM menerusi kurikulum dan kokurikulum.

KPM yakin usaha yang dilaksanakan melalui kurikulum dan aktiviti kokurikulum ini dapat mewujudkan ruang yang lebih luas bagi usaha mendidik dan membangunkan sahsiah murid serta memperkukuhkan semangat patriotisme dalam kalangan murid.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI UTAMA HASNI BIN MOHAMMAD
[SIMPANG RENGAM]**

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023

SOALAN

DATUK SERI UTAMA HASNI BIN MOHAMMAD [SIMPANG RENGAM] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah-langkah awalan yang diambil Kementerian bagi meningkatkan tahap keterjaminan makanan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) telah melaksanakan dan mengenal pasti beberapa langkah awalan secara strategik mengikut subsektor agromakanan untuk meningkatkan keterjaminan makanan.

Pertamanya, perluasan kawasan pengeluaran sumber makanan sedia ada:

- a) Bagi subsektor padi dan beras, usaha untuk meningkatkan produktiviti padi telah dilaksanakan menerusi inisiatif SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB). Inisiatif ini akan memanfaatkan hampir 5,000 pesawah melibatkan keluasan tanah hampir 11,000 hektar di seluruh negara kecuali Melaka dan Negeri Sembilan, dengan anggaran purata pengeluaran padi 6 tan metrik per hektar;

NO. SOALAN : 11

- b) Bagi subsektor tanaman pula, MAFS sedang dalam proses untuk memperluaskan dan menambahbaik infrastruktur serta fasiliti sedia ada di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) agar lengkap dan memenuhi keperluan semasa industri. Inisiatif ini melibatkan kawasan pengusahaan seluas 3,693.89 hektar melibatkan 627 petani di seluruh negara. Di samping itu, pemerkasaan Program Kebuniti 3.0 juga dijangka dapat menggalakkan pertanian bandar untuk meningkatkan keupayaan penduduk menghasilkan tanaman untuk makanan sendiri.

Keduanya, memudahcara proses dan prosedur perdagangan pertanian dengan memansuhkan *approved permit* (AP) bagi produk makanan untuk memastikan bekalan makanan negara mencukupi. Selain itu, Kerajaan juga telah memberikan kelonggaran tertentu mengikut kepentingan seperti berikut:

- a) Bagi subsektor ternakan, Kerajaan telah memudah cara prosedur import (IP) soya, gandum, jagung dan makanan ternakan berasaskan haiwan dan tumbuhan melalui penangguhan fi permit serta mewujudkan *priority lane* bagi proses kemasukan pantas makanan asas;
- b) Secara khususnya bagi industri poultri, Kerajaan telah memberikan kebenaran sementara kemasukan telur ayam dari sumber luar seperti India bagi menstabilkan bekalan tempatan. Sekatan eksport ayam juga telah dilaksanakan berkuat kuasa 1 Jun 2022 bagi menjamin bekalan dalam negara melibatkan sebanyak 3.6 juta ekor sebulan sehingga bekalan stabil; dan
- c) Bagi subsektor perikanan, Kerajaan telah mengurangkan fi Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) untuk membantu pengusaha vesel perikanan tempatan bagi pengambilan kru nelayan asing.

Ketiganya, memperkasa program jaminan makanan menerusi suntikan dana yang mencukupi:

- a) Bagi subsektor perikanan, galakan peningkatan pemodenan vesel dan mekanisasi dilaksanakan melalui pemberian dana pembiayaan bagi meningkatkan kapasiti tangkapan ikan. Di samping itu, MAFS melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan mewujudkan stokpail ikan melibatkan 1,000 tan metrik untuk menjamin kesinambungan bekalan ikan semasa musim tengkujuh dan perayaan. Selaras itu juga, 24 outlet baru Q-Fish akan diwujudkan meliputi dua (2) tambahan pembekal baharu bagi tahun 2023; dan
- b) Bagi komoditi terpilih di bawah subsektor tertentu, MAFS memudahcara pemasaran melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), antaranya Program *Buy Back* untuk melaksanakan pembelian terus komoditi agromakanan terpilih seperti telur ayam bagi tujuan pengedaran kepada 1,793 outlet peruncitan FAMA.

Pada masa yang sama, MAFS juga akan memperkukuh industri input pertanian domestik secara bersasar untuk mengurangkan kebergantungan kepada sumber import yang mempengaruhi kos pengeluaran dan kenaikan harga makanan.

Langkah-langkah awalan ini dijangka dapat menyumbang kepada kesinambungan bekalan makanan yang mencukupi, bernutrisi dan selamat dengan harga berpatutan kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [GERIK]

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk merancang sektor pelancongan di daerah Hulu Perak memandangkan daerah ini kaya dengan produk pelancongan berteraskan alam semula jadi dan bersempadan dengan negara Thailand.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM31.2 juta kepada Kerajaan Negeri Perak, bagi pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur pelancongan, di bawah Rancangan Malaysia Ke-12.

Ini termasuklah, menaik taraf dan membaik pulih Kompleks Pelancongan Gua Gendang, Pengkalan Hulu berjumlah RM250,000.

Selain itu, tindakan Kementerian dalam merencanakan sektor pelancongan di daerah Hulu Perak merangkumi Program Suaikenal produk pelancongan Negeri Perak kepada media dan agensi pelancongan seluruh negara termasuklah program suai kenal media di daerah Hulu Perak dan networking session dengan pemain industri wilayah utara perak dalam memperkenalkan produk pelancongan wilayah utara.

Program bersama media dan pemain industri ini penting dalam memastikan produk-produk pelancongan khususnya di wilayah utara perak mendapat publisiti yang maksimum.

Kementerian juga telah mempromosikan Pakej Houseboat Taman Negeri Royal Belum, Lenggong dalam media cetak dan digital serta mempromosikan Taman Negeri Royal Belum dan Hutan Temenggor sebagai Malaysia Birdwatching Paradise.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN LIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI
[IGAN]**

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI [IGAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah masalah sekolah kurang murid (SKM) di Sarawak, termasuk di kawasan Parlimen Igan. Nyatakan sekolah-sekolah berkenaan dan apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mendefinisikan sekolah kurang murid (SKM) sebagai sekolah yang mempunyai enrolmen 150 orang murid dan ke bawah. Data pada 31 Januari 2023 menunjukkan terdapat 856 buah SKM di Sarawak. Berdasarkan rekod KPM sebanyak 20 buah SKM berada di kawasan Parlimen Igan dengan jumlah enrolmen murid seramai 1,290 orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah melaksanakan strategi pelaksanaan kelas bercantum dengan pengajaran dan pembelajaran pelbagai gred dengan melibatkan percantuman kelas Tahun 2 dengan Tahun 3 dan Tahun 4 dengan Tahun 5 di sekolah berenrolmen 30 orang murid dan ke bawah. Strategi ini melibatkan empat buah sekolah di Parlimen Igan iaitu SJKC Kai Dee, SK Singgat, SK Batang Lassa dan SK Penasu Daro.

KPM berkeyakinan bahawa menerusi strategi pelaksanaan kelas bercantum dengan pengajaran dan pembelajaran pelbagai gred, isu SKM akan dapat ditangani dan sumber pendidikan yang dibekalkan oleh KPM dapat dioptimumkan serta dapat dimanfaatkan oleh murid. KPM akan terus meneliti pendekatan terbaik seperti kebolehlaksanaan konsep sekolah komprehensif 9 atau K9 bagi memastikan aspirasi sistem pendidikan berkaitan akses, ekuiti dan kualiti yang dilaksanakan di semua institusi pendidikan termasuklah di SKM dapat direalisasikan secara berkesan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

**DARIPADA : DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM
[PENDANG]**

SOALAN

minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah langkah yang telah diambil bagi memastikan bangsa Siam khususnya tidak tercicir dalam aspek pembangunan mahupun bantuan yang disalurkan Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan melalui Kementerian Perpaduan Negara telah menyediakan beberapa inisiatif bagi memperkasa agenda perpaduan nasional. Agenda ini dilaksanakan melalui pelbagai **usaha untuk membina dan memperkukuh tapak integrasi sebagai landasan hubungan muhibah dalam kalangan rakyat.**
2. Penghasilan **Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030** merupakan dokumen dasar yang menjadi kerangka asas dan hala tuju agenda perpaduan negara. Inisiatif ini diperkukuhkan lagi melalui penghasilan **Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030** yang merupakan pelan induk tindakan perpaduan bagi menterjemahkan Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 ke

dalam bentuk **program dan inisiatif yang lebih terancang dan terangkum tanpa meminggirkan mana-mana pihak.**

3. Dengan penghasilan dokumen dasar dan pelan tindakan ini, agenda perpaduan dapat dilaksanakan dengan lebih terancang dan tersusun melalui program-program yang dilaksanakan meliputi semua golongan masyarakat **tanpa mengira kaum, budaya dan agama** bagi memastikan keamanan, keharmonian dan perpaduan dapat dicapai.

4. Berdasarkan maklumat daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Sistem eKasih merupakan pangkalan data kemiskinan nasional yang bertujuan untuk mendaftarkan golongan miskin di Malaysia berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa (2019). Sehingga **9 Februari 2023**, rekod dalam Sistem eKasih menunjukkan bilangan Ketua Isi Rumah (KIR) etnik Siam adalah seramai 1,603 orang. Di samping itu, terdapat **15,843 bilangan bantuan** dengan nilai sebanyak **RM19,143,159** telah disalurkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI
[SRI AMAN]**

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI [SRI AMAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah inisiatif-inisiatif Kerajaan dalam memacu pertumbuhan ekonomi ke tahap lebih meyakinkan dan dalam masa yang sama mengurangkan beban rakyat yang jelas terkesan dengan kos sara hidup yang terus melonjak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Ekonomi Malaysia terus berkembang kukuh pada 2022 walaupun berdepan dengan cabaran global seperti tekanan inflasi yang berterusan, langkah kewangan global yang semakin ketat serta pertumbuhan ekonomi global yang menyederhana. Hal ini dibuktikan melalui nilai KDNK yang berkembang sebanyak 8.7 peratus mengatasi unjuran awal pada Oktober 2022 (6.5 – 7.0 peratus) dengan nilai output benar melebihi paras pra-pandemik. Prestasi memberangsangkan ini didorong oleh permintaan dalam dan luar negeri serta pasaran buruh yang bertambah baik selaras dengan fasa peralihan ke endemik. Malah, kadar pengangguran juga telah menurun kepada 3.6 peratus pada Disember 2022, berbanding nilai tertinggi 5.3 peratus yang dicatatkan pada Mei 2020. Momentum pertumbuhan ini dapat memastikan negara kekal stabil dan mampu mengelak daripada berhadapan dengan risiko berlakunya kemelesetan ekonomi dalam jangka masa terdekat.

Pada tahun 2023, pertumbuhan ekonomi Malaysia diunjur menyederhana dalam keadaan momentum pertumbuhan global yang dijangka lebih perlahan. Pertumbuhan ini terutamanya akan disokong oleh permintaan domestik yang stabil khususnya perbelanjaan swasta serta Belanjawan 2023 yang mengembang dan perbelanjaan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025 (RMKe-12). Walau bagaimanapun, kelembapan permintaan luar dijangka menyederhanakan pertumbuhan eksport. Dalam mendepani cabaran tersebut, Kerajaan akan terus memperkasa ekonomi negara dengan mengintensifkan sektor-sektor industri utama negara, mengukuhkan jalinan kerjasama dengan pemain ekonomi serantau, merencanakan permintaan domestik dan dalam masa yang sama meningkatkan kepercayaan pelaburan langsung asing. Kerajaan juga akan memacu pertumbuhan ekonomi negara melalui pemerksaan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), menambah baik pasaran kerja, memudah cara urusan perniagaan serta mempelbagai dana dan pembiayaan perniagaan bagi menarik minat dan membuka lebih banyak peluang kepada sektor-sektor perniagaan di Malaysia.

Dalam usaha Kerajaan memulih dan merancakkan pertumbuhan ekonomi negara, isu kos sara hidup yang sememangnya sering dibahaskan tidak akan sesekali diabaikan. Pelbagai mekanisme disusun rapi antaranya pelaksanaan kawalan harga sedia ada dan peruntukan subsidi bagi barangan-barangan keperluan terpilih dalam jangka pendek. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tanpa langkah yang dinyatakan ini, inflasi negara mungkin mencatat kadar yang lebih tinggi. Menerusi kajian Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada tahun 2022, kadar inflasi di Malaysia boleh mencecah paras 10 peratus sekiranya Kerajaan menghapuskan semua subsidi yang dinikmati rakyat pada masa ini.

Sehingga Disember 2022, kadar inflasi Malaysia mencatat 3.8 peratus iaitu lebih rendah berbanding beberapa negara maju dan serantau seperti United Kingdom (10.5 peratus), Filipina (8.1 peratus), Amerika Syarikat (6.5 peratus), Singapura (6.5 peratus), Thailand (5.9 peratus), Indonesia (5.5 peratus), Vietnam (4.6 peratus) dan Jepun (4.0 peratus). Keseluruhannya, kadar inflasi negara pada 2022 merekod 3.3 peratus dan dijangka akan terus terkawal pada 2023.

Selain kawalan harga dan subsidi barangan terpilih, nasib rakyat dan golongan sasar terus diberi keutamaan melalui agenda Payung Rahmah antaranya pemberian Sumbangan Tunai Rahmah kepada kumpulan B40, pengenalan Menu Rahmah untuk membantu meringankan kos sara hidup rakyat terutamanya bagi golongan pelajar dan kurang berkemampuan serta Bantuan Awal Persekolahan bagi membantu meringankan beban ibu bapa dalam menyediakan keperluan persekolahan anak-anak mereka.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Agenda menstabilkan kos sara hidup rakyat akan terus menjadi fokus utama Kerajaan dalam penyediaan Belanjawan 2023. Kerajaan juga mensasarkan lebih banyak jalinan kerjasama dengan pelbagai pihak awam dan swasta dalam mencari penyelesaian yang bernas dalam mendepani cabaran kos sara hidup akibat ketidaktentuan ekonomi global.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN]

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah perancangan terkini Islamic Tourism Centre of Malaysia dalam memartabat Malaysia sebagai pusat pelancongan Islam dan mesra pelancong Muslim (Muslim-friendly tourism) di persada antarabangsa

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya melalui Pusat Pelancongan Islam atau *Islamic Tourism Centre (ITC)*, sebuah agensi dibawah Kementerian ini yang berfungsi sebagai pusat penyelidikan strategik dan pembangunan kapasiti bagi segmen Pelancongan Islam telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan pendekatan dalam membangunkan dan mengembangkan segmen Pelancongan Islam dan Hospitaliti Mesra Muslim di Malaysia. Perancangan yang rapi bagi tahun 2023 telah dirangka bagi memartabat lagi Malaysia sebagai destinasi mesra Muslim yang ulung di persada antarabangsa.

NO. SOALAN : 16

Bagi mencapai maksud tersebut, berikut adalah inisiatif dan program yang telah dirancang dan akan dilaksanakan:

- i. Menghadiri *Asean Tourism Forum (ATF)* pada 2 hingga 5 Februari 2023 di Yogyakarta, Indonesia dengan tujuan mendapatkan input dan pertukaran maklumat mengenai perkembangan, isu-isu semasa serta kemajuan terkini berkaitan Pelancongan Islam dan Hospitaliti Mesra Muslim dari pihak berkuasa pelancongan, pengusaha produk, syarikat pelancongan, media dan penganjur persidangan profesional.
- ii. Menyertai dan mengadakan inisiatif kempen pelancongan, khususnya Pelancongan mesra-Muslim melalui dan bersama Tourism Malaysia di pameran-pameran pelancongan antarabangsa antaranya seperti *Arabian Travel Market (ATM)*, *ITB Asia*, *World Travel Mart (WTM)* dan *Malaysia International Halal Showcase (MIHAS)*.
- iii. Menerima jemputan sebagai hos bersama di Seminar Pelancongan mesra-Muslim di Bahrain bagi berkongsi amalan terbaik Malaysia dalam Pelancongan Mesra Muslim dan secara tidak langsung memperkenalkan Malaysia sebagai destinasi mesra Muslim untuk dilawati.
- iv. Membangunkan program pengiktirafan mesra Muslim bagi produk dan perkhidmatan pelancongan iaitu MFR (*Muslim Friendly Tourism and Hospitality Recognition*). Program ini sedang dalam semakan kumpulan pakar dan dirancang untuk pelaksanaan dalam tahun 2023.
- v. Menjalinkan kerjasama strategik dengan organisasi-organisasi luar negara antaranya seperti OIC, ASEAN dan APEC, dalam menjalankan kajian, latihan serta pembangunan garis panduan dan standard berkaitan Pelancongan Islam serta Pelancongan dan Hospitaliti Mesra Muslim.
- vi. Berkerjasama dengan Kementerian Luar Negeri untuk penganjuran kursus latihan jangka pendek dibawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia - *Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP)*

NO. SOALAN : 16

melibatkan penyertaan peserta luar negara dengan memberi fokus kepada sektor Pelancongan Islam serta Pelancongan dan Hospitaliti Mesra Muslim.

vii. Mengadakan kolaborasi dan kerjasama strategik dengan negara-negara luar seperti Bahrain, China, Sepanyol dan Uzbekistan dalam penganjuran program, seminar dan kursus latihan berkaitan Pelancongan Islam serta Pelancongan dan Hospitaliti Mesra Muslim yang secara tidak langsung dapat memperkenalkan Malaysia sebagai destinasi mesra Muslim yang menarik.

Selain itu juga, usaha dalam memperkukuhkan industri pelancongan negara akan sentiasa dipertingkatkan disamping fokus kepada pembangunan segmen Pelancongan Islam dan Hospitaliti Mesra Muslim melalui pengenalan produk dan tarikan baru, perkongsian amalan terbaik serta menjadikan Malaysia kekal sebagai destinasi pilihan nombor satu pelancong dunia selain negara contoh dalam segmen Pelancongan Islam serta Hospitaliti Mesra Muslim berasaskan komposisi masyarakatnya yang majmuk serta warisan budayanya yang unik dan harmoni.

Selain itu, usaha berterusan dalam memperkasakan industri pelancongan negara akan sentiasa dipertingkatkan dengan memberi tumpuan kepada beberapa segmen khusus termasuk Pelancongan Islam dan Hospitaliti Mesra Muslim melalui pembangunan dan pengenalan produk dan tarikan baharu untuk menjadikan Malaysia kekal destinasi nombor satu pilihan pelancong dunia selain negara contoh berdasarkan komposisi masyarakat yang pelbagai serta warisan budayanya yang unik dan harmoni.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan indeks Keselamatan Makanan Global 2021 oleh economist group meletakkan Malaysia di kedudukan ke-39. Tahap kebergantungan Malaysia pada makanan import semakin tinggi:

- (a) bagaimana Malaysia hendak menampung keperluan makanan domestik; dan
- (b) produk makanan asas semuanya ada sebanyak 33 jenis produk pertanian. Namun hanya 16 jenis sahaja mencapai Self Sufficient Ratio (SSR). Dengan dasar- dasar yang tersedia ada dan peruntukan kewangan yang disediakan, kenapa kita belum lagi mencapai self-sufficient ratio untuk 17 lagi produk pertanian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara umumnya, keperluan bekalan makanan domestik boleh dipenuhi sama ada melalui pengeluaran tempatan atau sumber import. Dalam usaha untuk merencanakan aktiviti pengeluaran makanan domestik, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) telah merangka beberapa strategi seperti berikut:

- a) Bagi subsektor padi, usaha meningkatkan produktiviti padi telah dilaksanakan menerusi inisiatif SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB). Inisiatif ini akan memanfaatkan hampir 5,000 pesawah melibatkan keluasan tanah hampir 11,000 hektar di seluruh negara kecuali Melaka dan Negeri Sembilan, dengan anggaran purata pengeluaran padi 6 tan metrik per hektar;
- b) Bagi subsektor tanaman pula, MAFS sedang dalam proses untuk memperluaskan dan menambahbaik infrastruktur serta fasiliti sedia ada di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) agar lengkap dan memenuhi keperluan semasa industri. Inisiatif ini meliputi kawasan pengusahaan seluas 3,693.89 hektar melibatkan 627 petani di seluruh negara; dan
- c) Bagi subsektor perikanan, pelaksanaan Program Modenisasi Vesel dan Mekanisasi Tangkapan untuk menaiktaraf peralatan dan keselamatan vesel dilihat dapat membantu nelayan untuk meneroka kawasan perairan laut baharu yang lebih jauh serta mengurangkan tekanan kepada sumber di Zon A dan Zon B. Inisiatif ini melibatkan suntikan dana berbentuk pinjaman sebanyak RM136 juta kepada 420 penerima seluruh negara.

Untuk makluman Yang Berhormat,

Self-Sufficiency Ratio (SSR) atau kadar sara diri merupakan pengukuran terhadap kemampuan sesebuah negara untuk memenuhi keperluan domestik melalui pengeluaran tempatan. Dalam konteks sekuriti makanan, MAFS memantau status bekalan 8 komoditi makanan utama iaitu beras, sayur, buah, daging ayam/itik, telur ayam/itik, daging lembu, susu segar dan ikan makanan (*edible fish*).

Secara umumnya, SSR bukanlah indikator tunggal yang menentukan tahap sekuriti makanan negara. Sebaliknya, sekuriti makanan boleh diukur berdasarkan empat (4) dimensi sekuriti makanan yang digariskan oleh *Food and Agriculture Organization of the United Nations* (FAO) iaitu ketersediaan, akses, penggunaan serta kestabilan dan kemampunan. Izinkan saya untuk menanda aras prestasi sekuriti makanan negara Jepun dalam Laporan Indeks Sekuriti Makanan Global (GFSI) 2022 untuk memperjelaskan kenyataan ini. Kedudukan sekuriti makanan negara tersebut adalah baik, malah berada di tangga ke-8 berbanding 113 negara yang lain walaupun Jepun mengimport hampir 60% bekalan makanannya.

Jelas di sini bahawa SSR sahaja tidak boleh menjadi pengukur tahap sekuriti makanan negara. Pada masa yang sama, kita juga tidak boleh menafikan bahawa kestabilan sumber import merupakan antara faktor penting yang menyumbang kepada sekuriti makanan. Ini kerana terdapat item makanan yang tidak dapat dihasilkan secara domestik sama ada ia tidak ekonomikal atau disebabkan oleh perbezaan iklim dan sumber tanah. Permintaan pengguna turut mempengaruhi import makanan, kesan daripada pilihan gaya hidup, peningkatan pendapatan dan perubahan persekitaran.

Oleh itu, SSR 100% adalah agak mustahil untuk dicapai bagi sesetengah komoditi. Namun strategi dan pendekatan lain seperti mengimport makanan dengan mempelbagaikan sumber import, *reverse investment* dan stok penimbal turut memainkan peranan penting dalam mengukuhkan sekuriti makanan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KALAM BIN SALAN [SABAK BERNAM]

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN KALAM BIN SALAN [SABAK BERNAM] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan bagaimana libat urus Kerajaan dan pihak industri serta agensi-agensi berkaitan untuk menaikkan kembali harga kelapa sawit dan menurunkan harga barang keperluan berasaskan sawit yang tinggi permintaannya demi kesejahteraan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian peka dengan harga minyak sawit mentah (MSM) yang menurun daripada RM6,873.00/tan pada Mei 2022 kepada RM6,106.00/tan pada Jun 2022 dan berlanjutan kepada RM3,960.50/tan pada Disember 2022, namun stabil di paras RM3,922.00/tan pada Januari 2023. Harga purata MSM bagi tahun 2022 adalah RM5,087.15/tan.

2. Untuk makluman, harga sawit mentah (MSM) ditentukan oleh faktor pasaran (*market forces*). Antara faktor-faktor yang mempengaruhi harga pasaran minyak sawit adalah perubahan harga minyak sayuran pesaing iaitu minyak kacang soya dan minyak bunga matahari (susulan konflik berterusan Ukraine-Rusia).

3. Apabila bekalan minyak kacang soya dan minyak bunga matahari berkurangan, permintaan kepada minyak sawit akan naik, dan menjadikan harga minyak sawit semakin tinggi. Selain itu, faktor lain yang mempengaruhi harga minyak sawit adalah perubahan harga minyak mentah Brent. Apabila harga minyak mentah jatuh, hal ini menjadikan minyak sawit kurang berdaya saing sebagai bahan mentah biodiesel. Peningkatan stok minyak sawit ekoran daripada eksport minyak sawit yang rendah ke pasaran utama seperti India dan China juga menyebabkan harga minyak sawit menjadi rendah.

4. Kementerian sentiasa berusaha untuk memastikan harga minyak sawit kekal kompetitif menerusi libat urus dengan pelbagai pihak. Beberapa usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi meningkatkan pengiktirafan serta permintaan minyak sawit dan produk sawit Malaysia termasuklah usaha mempromosikan produk berasaskan sawit Malaysia di pasaran antarabangsa serta aktiviti pemasaran sawit terus dipergiatkan oleh Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC). Hal ini termasuk misi-misi promosi dan teknikal yang melibatkan KPK serta agensi-agensi dibawahnya, serta pelbagai forum dan persidangan yang dianjurkan MPOC di peringkat antarabangsa;

NO SOALAN : 18

5. Kementerian dan agensi turut terlibat dengan rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) bersifat dua hala, pelbagai hala dan serantau bagi meningkatkan akses pasaran, seterusnya meningkatkan penggunaan minyak sawit dalam kalangan pengguna di negara-negara pengimport. Malaysia dan Indonesia menerusi Majlis Negara-Negara Pengeluar Minyak Sawit (*Council of Palm Oil Producing Countries - CPOPC*) berusaha memantapkan lagi amalan persekitaran mampan, pengurusan bekalan, aktiviti promosi dan pembangunan pekebun-pekebun kecil.

6. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan turut peka dalam memastikan isu peningkatan harga barang keperluan ditangani dengan berkesan. Menerusi Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL), Kementerian ini dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Kementerian Kewangan (MOF) sedang memperhalusi cadangan pelaksanaan mekanisme kawalan harga minyak masak untuk pasaran domestik, sebagai alternatif kepada mekanisme harga siling bergerak untuk minyak masak kemasan botol yang sedang dilaksanakan pada ketika ini.

7. Oleh itu, Kementerian telah mengambil pendekatan untuk mempertimbang cadangan mekanisme kawalan harga minyak masak menggunakan penjimatan daripada subsidi minyak masak polibeg di bawah Skim Penstabilan Minyak Masak (COSS). Cadangan ini merupakan usaha untuk mencari penyelesaian terbaik dan situasi sama-sama menang di antara Kerajaan dengan pihak industri bagi memastikan harga minyak masak untuk pasaran domestik kekal rendah tanpa menjejaskan kemampuan kewangan Kerajaan dan pada masa yang sama tidak membebankan penggiat industri sawit negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SHAMSHULKAHAR BIN MOHD
DELI (JEMPOL)**

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SHAMSHULKAHAR BIN MOHD DELI [JEMPOL] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status terkini kerja menaik taraf Jalan Persekutuan FT11 yang merangkumi Lebuhraya Bahau – Keratong menuju ke Jempol dan dalam masa yang sama adakah Kerajaan boleh menaik taraf sambungan laluan tersebut iaitu Jalan Utama Palong FT1283 memandangkan laluan ini berisiko kemalangan jalan raya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek yang dimaksudkan adalah Menaiktaraf Jalan di FT11 Dari Bandar Seri Jempol Ke Muadzam Shah (Sempadan Pahang) sepanjang 24 km. Permohonan cadangan projek tersebut telah diterima daripada Kerajaan Negeri Sembilan bagi *Rolling Plan* 1 dan 2 (RP1 dan RP2) Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMke-12). Walau bagaimanapun, berdasarkan kedudukan keutamaan projek dan agihan siling peruntukan pembangunan yang terhad, projek tersebut tidak dapat dipertimbangkan pada masa itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian ini akan meneliti cadangan projek-projek ini apabila dimohon dalam *Rolling Plan* RMKe-12 yang akan datang dan akan dipertimbangkan untuk diangkat kepada Agensi Pusat untuk kelulusan, tertakluk kepada kedudukan keutamaan projek dan ketersediaan agihan peruntukan pembangunan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI
[KUALA KEDAH]**

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI [KUALA KEDAH] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pelan tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk memulihkan semangat pelajar daripada masalah keciciran khususnya di luar bandar dan pinggir bandar selepas era pandemik COVID19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merujuk definisi keciciran sebagai keciciran daripada sistem pendidikan iaitu murid warganegara Malaysia yang berada dalam sistem pendidikan (bersekolah) tetapi keluar daripada sistem sebelum tamat tempoh pendidikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM amat memandang serius kepada isu keciciran dan pelbagai langkah diambil bagi memulihkan semangat murid untuk memastikan murid mendapat pendidikan yang berkualiti. KPM dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan Program Minda Sihat Di Sekolah Dalam Kebiasaan Baharu bagi memperkasa psikososial, menyokong kesejahteraan sosioemosi murid dan melaksanakan intervensi dalam menguruskan emosi mereka dengan baik selepas pandemik COVID 19. Melalui program ini, Saringan Minda Sihat dilaksanakan sebagai pengesanan awal untuk mengenal pasti murid yang mempunyai isu berkaitan emosi.

Bagi memulihkan semangat murid sekolah rendah yang berisiko keciciran; intervensi khusus melalui aktiviti teknik relaksasi, *mindfulness*, sesi bimbingan dan kaunseling serta konsultasi ibu bapa/ penjaga bagi meningkatkan kemahiran gaya daya (coping skill) tindak murid berkenaan diberikan. Ini kerana murid didapati kurang kemahiran mengurus emosi dengan baik apabila menghadapi situasi mencabar. Manakala murid yang dikenal pasti berada dalam kategori tidak berisiko diberikan intervensi umum seperti panduan amalan gaya hidup sihat.

Di samping itu, bagi murid sekolah rendah luar bandar serta pinggir bandar yang berisiko, sokongan daripada ibu bapa, guru serta rakan diberikan secara berterusan bagi meningkatkan kemahiran gaya daya tindak (coping skill). Manakala murid sekolah menengah luar bandar dan pinggir bandar yang menunjukkan tanda kecelaruan emosi seperti kemurungan dan

SOALAN NO : 20

kebimbangan yang teruk dan sangat teruk, pihak sekolah akan berbincang bersama-sama ibu bapa/penjaga untuk merujuk murid berkenaan kepada pakar perubatan di klinik kesihatan atau hospital berdekatan.

Murid sekolah menengah yang dikenal pasti mempunyai tanda awal kebimbangan dan kemurungan, perlu menjalani intervensi menggunakan Modul Minda Sihat KPM dan Modul Kesihatan Mental Remaja KKM. Intervensi ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran menangani stres, kemahiran menyelesaikan masalah dan menguruskan emosi dengan baik bagi membantu murid berada dalam persekitaran yang selamat.

KPM juga turut melaksanakan Program Kaunseling Berfokus yang melibatkan murid berisiko cicir bertujuan untuk membantu meningkatkan motivasi diri, sahsiah, potensi diri dan kesejahteraan mental murid. Program ini dilakukan dengan sistematik dengan menggunakan Modul Serlahkan Keunggulan Diri (SUDI). Modul SUDI merupakan panduan kepada guru untuk melaksanakan program intervensi bagi menangani keciciran murid.

KPM komited dalam memberi perhatian kepada pengurusan sosioemosi dan kebajikan murid dalam memulihkan semangat murid daripada masalah keciciran khususnya di luar bandar dan pinggir bandar selepas pandemik COVID-19 untuk memberi sokongan kepada kesejahteraan minda mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN
BANDY [KALABAKAN]**

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN BANDY [KALABAKAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik sekolah daif di Sabah mengikut Parlimen dengan memberikan keutamaan kepada Parlimen Kalabakan dan apakah rangka kerja strategik bagi menangani masalah isu ini bagi memastikan infrastruktur pendidikan yang baik ini dapat dinikmati oleh murid bagi menjamin keberkesanan pendidikan yang berkualiti dan bermutu tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha secara berterusan dalam memastikan penyediaan kemudahan sekolah adalah mencukupi dan berada dalam keadaan baik dan kondusif agar menjamin keselamatan dan keselesaan warga sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah memperkenalkan 7 teras utama Kementerian. Salah satu daripada teras tersebut adalah Ubah Suai dan Naik Taraf sekolah Daif terutama Sabah dan Sarawak. Untuk itu, KPM akan memberi keutamaan dalam usaha menangani sekolah yang mempunyai bangunan daif di seluruh negara.

KPM telah melaksanakan penetapan projek pembangunan semula atau menaik taraf bangunan sekolah yang daif berdasarkan analisis skor gred impak bagi menentukan tahap keadaan komponen fizikal atau fasiliti bangunan di sekolah. Skor gred impak ini mempunyai 7 tahap skala. Skala 1 hingga skala 4 merujuk kepada keadaan bangunan yang masih berfungsi dan selamat digunakan. Bagi bangunan yang berada pada skala 1 hingga 4, penyelenggaraan berkala dilakukan bagi memastikan keadaan fizikal bangunan sentiasa selamat. Manakala, skala 5 adalah bangunan yang dilaporkan oleh pihak sekolah sebagai tidak selamat dan memerlukan penyelenggaraan. Skala 6 pula merujuk kepada bangunan yang tidak selamat dengan pengesahan daripada pihak teknikal pejabat pendidikan daerah (PPD) atau jabatan pendidikan negeri (JPN). Sementara skala 7 merujuk kepada bangunan yang tidak selamat dengan pengesahan syor roboh daripada Jabatan Kerja Raya (JKR).

Bilangan sekolah yang mempunyai bangunan daif berskala 6 dan skala 7 adalah bersifat dinamik dan akan berubah berdasarkan kondisi bangunan dari semasa ke semasa. Keutamaan KPM adalah kepada bangunan yang berada pada skala 6 dan skala 7 untuk dinaik taraf atau dibina bangunan gantian mengikut keperluan. Pembinaan bangunan gantian ini dilaksanakan secara berfasa melalui peruntukan yang diluluskan oleh

SOALAN NO : 21

agensi pusat bagi setiap *Rolling Plan* dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun. Walau bagaimanapun kelulusan dan pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada keutamaan dan kedudukan kewangan semasa kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data KPM, bilangan sekolah yang mempunyai bangunan daif di negeri Sabah adalah sebanyak 289 buah sekolah yang terdiri daripada 225 buah sekolah yang mempunyai bangunan berskala 6 dan 64 buah sekolah yang mempunyai bangunan berskala 7.

Secara keseluruhan, bilangan sekolah yang mempunyai bangunan daif (pada skala 6 dan 7) di negeri Sabah mengikut parlimen adalah seperti berikut:

BIL.	PARLIMEN	BILANGAN JUMLAH SEKOLAH
1	Ranau	44 buah
2	Pensiangan	34 buah
3	Beaufort	29 buah
4	Keningau	21 buah
5	Tuaran	18 buah
6	Kudat	17 buah
7	Silam	15 buah
8	Libaran	14 buah
9	Sepanggar	14 buah
10	Beluran	13 buah
11	Kota Belud	12 buah
12	Kinabatangan	10 buah
13	Papar	8 buah
14	Sipitang	7 buah
15	Tenom	6 buah
16	Kalabakan	5 buah
17	Penampang	5 buah
18	Kimanis	4 buah
19	Batu Sapi	3 buah
20	Kota Marudu	3 buah

SOALAN NO : 21

BIL.	PARLIMEN	BILANGAN JUMLAH SEKOLAH
21	Tawau	3 buah
22	Kota Kinabalu	2 buah
23	Sandakan	2 buah

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh tahun 2016 sehingga 2022, sebanyak 274 sekolah melibatkan 282 projek menaik taraf dan membangunkan semula bangunan daif di sekolah seluruh Sabah telah diluluskan dengan kos peruntukan sebanyak RM1.961 billion. Sehingga 31 Januari 2023, sebanyak 206 projek telah siap sepenuhnya, 33 projek berada di peringkat pembinaan dan 43 projek di peringkat prabina.

Khusus di Parlimen Kalabakan, sebanyak dua projek menaik taraf dan membangunkan semula bangunan daif di sekolah telah diluluskan dengan kos peruntukan berjumlah RM47.9 juta. Satu projek iaitu Sekolah Kebangsaan Sungai Haji Matahir telah siap pada tahun 2018 dan satu lagi projek iaitu Sekolah Kebangsaan Umas-Umas sedang dalam fasa pembinaan dengan jangkaan tarikh siap pada 13 Februari 2025. KPM juga telah mengemukakan permohonan pembinaan gantian bangunan daif untuk pertimbangan agensi pusat di Sekolah Kebangsaan Tanjong Batu dalam RMKe-12 tahun 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN
BIN MD YASIN [PAGOH]**

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN MD YASIN [PAGOH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan membenarkan pengeluaran KWSP secara bersasar bagi meringankan beban kehidupan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Menerusi Belanjawan 2023, Kerajaan sedang mencari jalan yang lebih sesuai bagi mengurangkan beban rakyat tanpa mengeluarkan simpanan KWSP. Implikasi bagi empat (4) kemudahan pengeluaran sepanjang tempoh PKP telah memberikan kesan jangka panjang iaitu pengurangan jumlah simpanan persaraan yang ketara kepada ahli-ahli yang terlibat. Sehingga 31 Disember 2022, seramai 6.7 juta ahli atau 51 peratus daripada keseluruhan ahli KWSP di bawah umur 55 tahun hanya mempunyai baki simpanan kurang daripada RM10,000 di dalam akaun KWSP selepas pengeluaran berkenaan. Amaun ini menyebabkan ahli memperolehi pendapatan persaraan yang kurang daripada RM42 sebulan untuk tempoh 20 tahun.

Selain itu, keempat-empat pengeluaran khas ini telah menyebabkan penurunan yang ketara dalam peratusan ahli aktif yang mencapai Simpanan Asas (RM240,000 pada usia 55 tahun) daripada 36% pada tahun 2020 kepada 29% pada akhir tahun 2022. Situasi ini secara langsung menunjukkan bahawa 71%, atau lebih dua pertiga daripada ahli aktif mencarum berumur 55 tahun dan ke bawah berada dalam situasi yang serius di mana jumlah dana mereka tidak cukup untuk bersara melebihi paras kemiskinan. KWSP menganggarkan ahli perlu bekerja antara 4 sehingga 6 tahun tambahan untuk membina semula simpanan yang telah dikeluarkan semasa pandemik.

Sehubungan itu, sebarang pengeluaran tambahan baharu sama ada secara bersasar ataupun terbuka akan memburukkan lagi isu ketidakcukupan simpanan persaraan yang kini telahpun berada dalam tahap yang amat membimbangkan. Isu ketidakcukupan simpanan KWSP ini perlu diberi perhatian yang serius ketika negara kini sedang menghadapi fenomena penuaan penduduk yang pantas kerana ianya bakal memberi impak yang amat besar kepada negara dan rakyat, terutamanya dari segi ekonomi, produktiviti, kesejahteraan sosial, kualiti hidup dan kesihatan.

Di samping itu, pengeluaran tambahan baharu memerlukan KWSP untuk menyediakan aliran tunai bagi menampung amaun pengeluaran yang besar tersebut. KWSP perlu mengambil langkah-langkah pengimbangan portfolio dengan mengambilkira pegangan tunai semasa, kecairan dan kematangan pegangan instrumen-instrumen berpendapatan tetap selain memperlahankan aktiviti pelaburan domestik. Ini menyebabkan kekangan bagi penyertaan ke dalam peluang-peluang pelaburan baharu dan akan memberikan kesan secara langsung dari segi kehilangan potensi pulangan jangka masa panjang yang turut menjejaskan peluang bagi menjana pendapatan untuk tujuan pembayaran dividen kepada ahli pada masa hadapan.

Tambahan pula, indikator-indikator ekonomi telah menunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti ekonomi semakin pulih dengan perniagaan yang telah mula beroperasi sepenuhnya dan sebahagian besar pekerja telah kembali bekerja untuk menjana pendapatan. Ini boleh dilihat daripada statistik KWSP yang menunjukkan peningkatan yang ketara dari segi bilangan ahli dan majikan yang aktif mencarum, pendaftaran ahli dan majikan baharu serta jumlah caruman setakat Disember 2022 seperti berikut:-

- i. Bilangan ahli aktif KWSP menunjukkan peningkatan sebanyak 9% kepada 8.39 juta berbanding 7.69 juta pada bulan Disember 2021;
- ii. Bilangan majikan aktif juga menunjukkan peningkatan sebanyak 7% kepada 588,714 berbanding 550,825 pada tahun sebelumnya; dan
- iii. Berbanding tahun 2021, pendaftaran ahli dan majikan baharu pada tahun 2022 telah meningkat daripada 421,643 kepada 635,989 untuk ahli baharu dan 72,518 kepada 93,669 bagi majikan baharu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
[HULU LANGAT]**

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN [HULU LANGAT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah proses semakan kaedah pengagihan kontrak bagi memberi ruang kepada usahawan baru dan mengelak monopoli oleh sesetengah pihak.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman, Agensi adalah dikehendaki melaksanakan perolehan secara terbuka dan memastikan semua urusan berkaitan perolehan Kerajaan dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus baik (*good governance practices*) dengan mematuhi prinsip-prinsip perolehan Kerajaan iaitu akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, nilai faedah terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama.

Dalam usaha memastikan setiap projek yang dirancang oleh Kerajaan berjaya dan memberi impak kepada ekonomi negara untuk terus berkembang, Kerajaan sentiasa menggalakkan penyertaan syarikat-syarikat baharu dalam perolehan Kerajaan. Syarikat yang ingin menyertai tender Kerajaan hendaklah berdaftar dengan Kementerian Kewangan.

Kerajaan telah mengambil ketetapan untuk memilih syarikat-syarikat yang berkelayakan dan berkemampuan melalui kaedah perolehan secara sebut harga, tender terbuka atau kaedah lain yang dikuatkuasakan melalui Pekeliling Perolehan Kerajaan (PK 2). Bagi meningkatkan ketelusan, proses perolehan bagi bekalan dan perkhidmatan dilaksanakan menggunakan sistem ePerolehan. Setiap syarikat yang menyertai perolehan sebut harga/tender perlu melalui proses penilaian dari segi teknikal dan kewangan sebelum diputuskan sebagai syarikat yang layak menerima kontrak Kerajaan. Selaras dengan prinsip *let manager manage*, penurunan kuasa kepada pegawai pengawal kementerian/agensi berdasarkan had nilai yang tertentu.

Izinkan saya untuk menjelaskan bahawa Pihak Berkuasa Melulus di Agensi/Kementerian bertanggungjawab untuk melaksanakan proses pelantikan syarikat berdasarkan tatacara perolehan yang berkuatkuasa. Sebagai contoh, kontrak Kerajaan diberi kepada syarikat yang berjaya dalam proses tender Kerajaan. Melalui proses tender, syarikat yang mengambil bahagian akan bersaing secara adil dan saksama dalam mengemukakan tawaran harga yang kompetitif, setanding dengan kualiti barang/perkhidmatan/kerja yang ditawarkan. Oleh yang demikian,

persaingan bukan sahaja membantu meningkatkan daya saing syarikat-syarikat yang menyertai tender Kerajaan tetapi juga membolehkan Kerajaan mendapat tawaran yang terbaik.

Keupayaan syarikat yang menyertai tender Kerajaan akan dinilai berdasarkan kriteria yang ditetapkan bagi melihat kemampuan kewangan dan keupayaan teknikal termasuk pengalaman, prestasi kerja semasa, dan bilangan kakitangan yang mencukupi untuk melaksanakan kontrak yang baru. Selain itu, Kerajaan juga telah menguatkuasakan pelaksanaan *Integrity Pact* dalam perolehan Kerajaan dengan memastikan kontraktor menandatangani akuan pembida bagi mengelakkan tipuan bida dan monopoli melalui pematuhan Akta Persaingan 2010 [Akta 712] iaitu syarikat yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan perolehan Kerajaan adalah tertakluk kepada Akta Persaingan 2010 [Akta 712].

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR]

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan selama ini telah berjaya mengurangkan beban guru di sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengambil langkah proaktif dalam usaha mencari penyelesaian terbaik dalam menjamin kesejahteraan guru. Antara langkah-langkah yang diambil adalah dengan mengoptimumkan pengisian guru di sekolah dan meningkatkan kecekapan perekodan data dan sistem dalam talian.

Bagi mengoptimumkan pengisian guru di sekolah, KPM telah melaksanakan pengambilan seramai 22,327 guru pada tahun 2021 dan 2022 melalui kaedah *one-off* dan kluster mata pelajaran. Urusan pengambilan ini akan berterusan dari semasa ke semasa tertakluk kepada kekosongan di sekolah-sekolah.

Selain itu, KPM melaksanakan pelbagai inisiatif yang merangkumi intervensi seperti berikut :

- i. memudahkan pengurusan fail dan dokumentasi;
- ii. pengurusan data dan sistem dalam talian;
- iii. penyeragaman borang dan proses pemantauan; dan
- iv. Sistem Rekod Kesihatan Murid secara dalam talian (e-RKM).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah melaksanakan penambahbaikan ke atas fungsi pengurusan di sekolah melalui pewujudan Modul Tadbir Urus Sekolah (MySG) yang diperkenalkan pada tahun 2021. MySG menjelaskan dengan lebih terperinci empat komponen pengurusan sekolah, iaitu Pengurusan dan Pentadbiran, Kurikulum, Hal Ehwal Murid dan Kokurikulum.

KPM juga turut melaksanakan bengkel yang melibatkan wakil guru dari seluruh negara untuk mendapatkan input berfokus kepada tugas, tanggungjawab dan kebajikan guru pada masa kini. Hasil daripada bengkel tersebut, KPM sedang meneliti beberapa inisiatif berkaitan sistem

SOALAN NO : 24

perekodan data secara bersepadu, modul jadual waktu serta pengurusan takwim aktiviti kurikulum dan kokurikulum secara berpusat. Sehingga kini, KPM telah mengintegrasikan modul pengurusan murid (Aplikasi Pangkalan data Murid- APDM), modul pengurusan guru (Sistem e-OPERASI) dan modul pengurusan sekolah (Education Management Information System - EMiS) untuk memudahkan pelaporan dan mengurangkan proses memasukkan input yang berulang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan (MPPK) juga sedang memperhalusi inisiatif-inisiatif dan dapatan kajian berhubung kebajikan guru dan akan mengemukakan syor kepada KPM untuk tindakan selanjutnya.

KPM komited dalam meningkatkan kecekapan sistem dan memastikan kebahagiaan guru supaya dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam ekosistem yang kondusif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SH MOHMED PUZI BIN SH ALI
[PEKAN]**

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SH MOHMED PUZI BIN SH ALI [PEKAN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah proaktif dan tranformasi yang dirangka Kementerian dalam meningkatkan tahap sekuriti makanan negara supaya lebih stabil serta mampu menstabilkan harga barangan pertanian di pasaran. Sejauh manakah keupayaan Kementerian menyokong kepada penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pertanian.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Usaha proaktif dan transformasi yang didukung oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) untuk memperkukuh sekuriti makanan negara dijelaskan melalui pembangunan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (Pelan Tindakan DSMN) 2021-2025 yang kini dalam pelaksanaan merentas agensi dan Kementerian. Pelan Tindakan ini menggariskan 15 strategi dan 96 inisiatif yang bertujuan untuk:

- a) memperbanyakkan sumber dalaman dan mempelbagaikan sumber import;
- b) memastikan keberadaan makanan yang selamat dengan harga berpatutan dan gaya pemakanan sihat;
- c) meningkatkan sistem makanan melalui penglibatan swasta dan penduduk; dan
- d) memastikan kesiapsiagaan negara dalam menghadapi krisis sekuriti makanan

Pemeriksaan penyelidikan dan pembangunan (R&D) merupakan antara strategi utama yang telah dikenal pasti sebagai pemangkin kepada pertumbuhan sektor agromakanan. Keberkesanan pemeriksaan R&D akan dapat menyumbang dalam meningkatkan kapasiti pengeluaran makanan dan input pertanian seperti makanan ternakan, baka dan benih berkualiti secara domestik.

Bagi sektor tanaman, Jabatan Pertanian (DOA) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah berusaha membangunkan varieti tanaman berhasil tinggi dan toleran kepada penyakit, perosak dan tahan kepada perubahan cuaca yang dapat meningkatkan purata hasil pengeluaran. Sebanyak 10 varieti dengan ciri khusus dan 16 teknologi baharu berkaitan pengeluaran akan dibangunkan menerusi inisiatif ini.

NO. SOALAN : 25

Bagi sektor ternakan pula, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) akan melaksanakan program pembiakbakaan berstruktur untuk meningkatkan genetik baka tenusu beradaptasi tempatan melibatkan 50 ekor induk lembu betina yang dapat menyumbang kepada pertambahan populasi ternakan tenusu dan pengeluaran susu segar tempatan. Inisiatif yang mensasarkan pembangunan 1 pakej teknologi ini dijangka mampu menambah nilai kepada pendapatan penternak sebanyak 20% menjelang tahun 2025. Kajian dan pengkomersialan bahan mentah alternatif makanan ternakan ayam turut akan dilaksanakan bagi menggantikan kacang soya yang dapat mengurangkan kebergantungan terhadap sumber protein import.

Manakala bagi sektor perikanan, Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) memberi tumpuan kepada pembangunan 3 benih baharu spesies ikan berimpak dan bernilai tinggi dengan kadar kelangsungan hidup melebihi 80% melalui teknologi pembiakan terbantu (*Assisted Reproductive Technology, ART*) dan formulasi makanan khusus (*specialised feed*), antaranya *giant freshwater prawn* dan tilapia.

Kerajaan sentiasa melaksanakan R&D secara berterusan menerusi pelbagai forum dan kerjasama tempatan dan antarabangsa untuk meningkatkan ketersediaan dan kebolehcapaian makanan dengan harga berpatutan di pasaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pendirian Kementerian terhadap pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) dan permohonan untuk menginstitusikan peruntukan kepada sekolah menengah persendirian Cina (SMPC).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak mengiktiraf Unified Examination Certificate (UEC) yang dilaksanakan di sekolah menengah persendirian Cina (SMPC) dan KPM tidak melihat isu berbangkit tentang perkara itu sebagai keutamaan. Pendirian ini berlandaskan kepada Dasar Pendidikan Kebangsaan dan peruntukan Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] yang sentiasa menjadi pegangan KPM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM hanya menyalurkan peruntukan kepada kategori institusi pendidikan kerajaan dan bantuan kerajaan sahaja. Dalam konteks ini, SMPC bukan sebahagian daripada institusi pendidikan dalam sistem pendidikan kebangsaan seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 16 Akta 550. Oleh yang demikian, KPM tiada obligasi untuk memperuntukkan atau menginstitusikan sebarang sumbangan modal atau sumbangan bantuan penuh kepada SMPC.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kejatuhan ringgit ke paras terendahnya kepada RM4.74 berbanding dolar Amerika Syarikat pada bulan September 2022 telah membuktikan bahawa langkah-langkah yang diambil oleh Bank Negara sebelum ini telah gagal. Apakah langkah-langkah efektif segera perlu diambil bagi memastikan kemerosotan Ringgit dapat dibendung.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2022, dunia mengalami kejutan apabila Rizab Persekutuan (Fed) Amerika Syarikat (AS) menaikkan kadar faedah dengan magnitud yang besar iaitu sebanyak 425 mata asas (bps) dalam tempoh yang singkat di antara bulan Mac hingga November 2022 bagi menangani isu inflasi yang tinggi dan tidak terkawal di AS. Peningkatan kadar faedah AS yang tinggi dan lebih agresif berbanding bank pusat yang lain telah mendorong nilai mata wang dolar AS melonjak naik berbanding hampir kesemua mata wang sedunia termasuk nilai ringgit. Malaysia menerusi Bank Negara Malaysia (BNM) hanya menaikkan kadar faedah secara beransur-ansur dengan kenaikan kumulatif sebanyak 100 mata asas sebanyak 4 kali sejak Mei hingga November 2022.

Keadaan ini menyebabkan kadar pertukaran ringgit berbanding dolar AS telah menyusut nilai sebanyak 12.2% dari Januari hingga 4 November 2022. Penyusutan nilai ini adalah sejajar dengan kebanyakan mata wang utama dan serantau, seperti yen Jepun (-21.5%), euro (-12.4%), won Korea (-16.2%) dan baht Thailand (-11.0%). Perkembangan ini menunjukkan bahawa penyusutan nilai mata wang ringgit lebih didorong oleh fenomena global dan pengaruh pasaran, dan bukan disebabkan oleh kelemahan asas ekonomi negara atau kegagalan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan melalui BNM.

Namun, berikutan jangkaan kenaikan kadar dasar yang lebih perlahan di AS sejak November 2022, sentimen risiko pelabur global bertambah baik. Arah aliran susut nilai ringgit berubah arah dan meningkat sebanyak 10.0% kepada RM4.2983 berbanding dolar AS dari 1 November 2022 hingga 8 Februari 2023. Ringgit juga lebih kukuh berbanding dengan beberapa rakan perdagangan utama Malaysia, dicerminkan melalui kadar pertukaran efektif ringgit secara nominal (NEER) yang meningkat sebanyak 3.2% dalam tempoh sama.

NO SOALAN : 27

Perlu dijelaskan bahawa rejim kadar pertukaran yang fleksibel telah membantu Malaysia menghadapi kejutan besar berikutan pengukuhan ketara dolar AS pada tahun 2022. Ekonomi negara kekal stabil dengan perkembangan tahunan yang pesat pada kadar 8.7% (2021: 3.1%). Keadaan inflasi masih terkawal walaupun berada paras yang tinggi, dan tidak berlaku sebarang ketidakseimbangan yang besar dalam negara, meskipun berhadapan kejutan luaran yang besar ini.

Pendekatan BNM bertumpu kepada memastikan pelarasan ringgit dalam keadaan teratur, justeru membantu perniagaan merancang dan melaksanakan keputusan perbelanjaan dan pelaburan dengan baik. Risiko daripada penurunan mendadak nilai pertukaran ringgit berbanding dolar AS juga dikurangkan oleh penggunaan instrumen lindung nilai, penekanan kepada pinjaman luar yang berhati-hati dan kedalaman pasaran mata wang dalam negeri yang tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
[SETIU]**

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [SETIU] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan jangka pendek Kementerian bagi menangani isu 13 peratus kanak-kanak hujung usia persekolahan sekolah rendah tidak mahir membaca yang dikeluarkan oleh Dokumen Keciciran Pendidikan Malaysia 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, data Program Pemulihan Khas Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 31 Disember 2022 menunjukkan bahawa hanya 0.63 peratus murid Tahun Enam belum menguasai asas kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M).

Bagi memastikan murid sekolah rendah menguasai literasi dan numerasi, KPM telah melaksanakan pelbagai inisiatif antaranya ialah Program Pemulihan Khas. Murid yang telah dikenal pasti belum menguasai kemahiran asas 3M ditempatkan di kelas pemulihan khas semasa mata pelajaran Bahasa Melayu atau Matematik diajar di kelas aliran perdana. Guru pemulihan dengan kerjasama guru mata pelajaran Bahasa Melayu dan Matematik memberi bimbingan yang bersesuaian kepada murid sehingga mereka dapat menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi.

SOALAN NO : 28

Pada peringkat sekolah rendah, KPM memperkenalkan Program Literasi dan Numerasi atau *Primary Literacy and Numeracy* (PLaN) sejak 2020 untuk memastikan murid menguasai sekurang-kurangnya tahap minimum (Tahap Penguasaan 3) dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik. Pelaksanaan program ini adalah sebagai sokongan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang menyeluruh untuk membantu memantapkan tahap penguasaan 3M. Modul latihan intervensi berfokus dan terbeza (MoLIB) dan *Schemes of Work* (SOW) juga disediakan untuk kegunaan guru bagi menangani isu penguasaan 3M dalam kalangan murid. Selain itu, PLaN juga menyediakan bahan bantu belajar murid serta item pentaksiran untuk menyokong pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD).

Selain itu, KPM juga mengadakan Program Bantu Baca bagi semua murid sekolah rendah memperkukuhkan kemahiran membaca. Program ini dilaksanakan secara kolaboratif melibatkan pelatih Institut Pendidikan Guru yang menjalani latihan praktikum di sekolah, pelajar matrikulasi dan murid sekolah berasrama penuh dengan kerjasama komuniti setempat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM juga telah merancang untuk memugarkan semula pelaksanaan Program Bimbingan 3M (PROBIM) bagi murid sekolah menengah (kelas peralihan sehingga tingkatan 5) supaya murid dapat menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira sebelum menamatkan persekolahan.

KPM yakin program intervensi dan langkah strategik yang dilaksanakan ini dapat membantu meningkatkan penguasaan murid dalam literasi dan numerasi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHOW YU HUI [RAUB]

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan rancangan atau pelan Kementerian untuk memajukan Fraser's Hill sebagai destinasi warisan tinggalan kebudayaan dan ekopelancongan serta sama ada Kerajaan Persekutuan memberi peruntukan untuk tujuan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) sentiasa mengalu-alukan sebarang cadangan dalam mempromosikan sesebuah kawasan sebagai destinasi pelancongan dan kebudayaan. Dalam hal ini, MOTAC melalui Jabatan Warisan Negara (JWN) sentiasa mengambil inisiatif bagi memajukan Fraser's Hill sebagai destinasi warisan tinggalan kebudayaan dan pelancongan menerusi pewartaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) untuk memberi perlindungan dan nilai tambah kepada tapak warisan yang terlibat.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JWN telah menerima permohonan penetapan tapak-tapak warisan di Negeri Pahang sebagai tapak warisan di bawah Akta 645, termasuklah Bangunan Temerloh, Fraser's Hill pada 18 Julai 2022 daripada Kerajaan Negeri

Pahang. Penyelidikan lanjut bagi bangunan tersebut perlu dilaksanakan bagi menentukan kepentingan warisan dan signifikannya untuk penilaian Jawatankuasa Pakar Warisan sebelum penentuan oleh Pesuruhjaya Warisan untuk penetapan sebagai warisan di bawah Akta 645.

3. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pemeliharaan warisan adalah di bawah Senarai Bersama, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, usaha memelihara dan memulihara khazanah warisan negara merupakan tanggungjawab bersama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri melalui penglibatan MOTAC, Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

4. MOTAC sentiasa bersedia untuk mempertimbangkan sebarang permohonan baharu bagi membantu menaik taraf prasarana pelancongan di Fraser's Hill khususnya dan di Parlimen Raub amnya, sekiranya terdapat permohonan rasmi daripada Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pahang mahu pun Kerajaan Negeri Pahang demi menyokong industri pelancongan tempatan sekaligus menjana ekonomi setempat dengan syarat, aspek penyelenggaraan diberi perhatian yang sewajarnya selepas kerja-kerja baik pulih selesai. MOTAC turut menyarankan agar sebarang pembangunan di kawasan ini akan mengekalkan dan memelihara tema atau konsep Fraser's Hill dengan mengekalkan *facade* bangunan mengikut kesesuaian alam sekitar dan sejarah setempat. Sebagai contoh, sebarang pembangunan baharu di kawasan ini hendaklah mengekalkan konsep *tudor* sesuai dengan gelaran Fraser's Hill sebagai *The Little England*.

5. Selain itu, Fraser's Hill juga merupakan destinasi nombor satu pelancongan minat khas *Birdwatching* negara oleh beberapa laman web penggemar aktiviti ini. MOTAC melalui agensinya Tourism Malaysia telah melaksanakan program lawatan media dan persatuan *birdwatching* pada 22 hingga 25 Julai 2022 bersempena 33rd *Fraser's Hill International Bird Race 2022* anjuran Tourism Pahang. Dengan tarikan pelancongan minat khas seperti ini, lebih ramai pelancong asing akan berkunjung dan turut menikmati lain-lain tarikan warisan tinggalan kebudayaan di Fraser's Hill.

6. Pihak Kementerian juga menggalakkan penglibatan sektor swasta secara lebih aktif dalam menaja aktiviti berkaitan seni, budaya dan warisan termasuk yang berkaitan di Fraser's Hill. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan membenarkan potongan daripada pendapatan kasar perniagaan melalui insentif Potongan Cukai Penajaan Aktiviti Kesenian, Kebudayaan dan Warisan di bawah Subseksyen 34(6)(k) Akta Cukai Pendapatan 1967 yang diluluskan oleh MOTAC. Ini secara tidak langsung dapat membantu memajukan Fraser's Hill sebagai destinasi warisan tinggalan kebudayaan dan ekopelancongan di negara ini.

7. MOTAC sentiasa mengalu-alukan cadangan dari Ahli Yang Berhormat untuk menaik taraf kemudahan pelancongan di kawasan tersebut dan sedia bekerjasama dengan pihak yang berkenaan. Pada masa yang sama, permohonan dan cadangan untuk menyelenggara dan menaiktaraf kemudahan pelancongan yang dibawa untuk perhatian MOTAC juga akan dipertimbangkan berdasarkan kepada Garis Panduan Permohonan Projek Penyelenggaraan Kemudahan Pelancongan Termasuk Pemuliharaan dan Pemeliharaan Tapak / Bangunan Warisan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHIEW CHOON MAN [MIRI]

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHIEW CHOON MAN [MIRI] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perancangan untuk menawarkan bantuan kepada penternak ayam dan khinzir terutamanya di Sarawak bagi mengurangkan kos pengeluaran telur, ayam dan khinzir seterusnya dapat mengurangkan kos barang makanan ini di pasaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) menawarkan bantuan kepada penternak ayam dan khinzir bagi mengurangkan kos pengeluaran melibatkan langkah jangka pendek dan jangka panjang seperti berikut:

(a) Jangka pendek:

- (i) memberi subsidi kepada penternak ayam pedaging dan ayam penelur untuk membantu mengatasi kenaikan kos pengeluaran, mulai 5 Februari 2023 hingga 31 Disember 2022. Sehingga 14 Februari 2023, sebanyak 18,880 permohonan bernilai RM1.69 bilion subsidi telah diluluskan kepada penternak; dan
- (ii) melaksanakan tindakan mitigasi bagi mengawal pemerebakan wabak *African Swine Fever* (ASF) yang menjangkiti khinzir.

(b) Jangka panjang:

- (i) mengurangkan kebergantungan kepada sumber jagung import sebanyak 30% menjelang tahun 2032 bagi makanan ternakan menerusi inisiatif penanaman jagung bijian dalam negara;
- (ii) menjalankan kajian bagi menghasilkan bahan mentah gantian bagi makanan ternakan dari sumber tempatan berasaskan isirung sawit seperti PKC/PKE;
- (iii) menawarkan pinjaman mudah melalui Agrobank sebanyak RM300 juta kepada penternak ayam melalui Dana Pembiayaan Agromakanan untuk membantu penternak mengatasi masalah modal pusingan

NO. SOALAN : 30

keuangan yang terjejas akibat kenaikan kos pengeluaran; dan

- (iv) menawarkan bantuan khidmat nasihat dan bimbingan teknikal dari segi pengawalan penyakit dan pengurusan ladang yang baik.

Kerajaan Negeri Sarawak melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Sarawak juga melaksanakan Program Pembangunan Komersil Ternakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12). Program ini menawarkan bantuan input pertanian termasuk penyediaan tapak, pembangunan teknologi, pembekalan input ladang, pembinaan pagar, pembekalan bahan binaan, stok pembiakbaka, infrastruktur dan utiliti bagi penternakan ayam dan khinzir. Pada tahun 2022, seramai 65 penternak ayam dan 20 penternak khinzir telah menerima manfaat daripada program ini dengan nilai bantuan masing-masing berjumlah RM 650,000.00 dan RM 200,000.00.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN
[SRI GADING]**

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN [SRI GADING] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil berkaitan ketidaksesuaian kurikulum tahap 1 dengan usia murid seperti rintihan ibu bapa mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan pendidikan murid diberi keutamaan dengan melaksanakan kurikulum yang relevan dengan keperluan pembelajaran murid mengikut usia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, matlamat kurikulum sekolah rendah terutama pada Tahap I (Tahun 1, 2 dan 3) adalah untuk memupuk perkembangan fizikal, kognitif, mental, emosi, sosial, rohani, sikap dan nilai. Fokus kurikulum Tahap I adalah untuk penguasaan kemahiran 4M (membaca, menulis, mengira dan menaakul), kemahiran asas Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), kreatif dan inovatif. Pelaksanaan mata pelajaran pada Tahap I membolehkan setiap kanak-kanak membina asas amalan nilai murni, membentuk keyakinan diri dan sikap positif serta pemerolehan pengetahuan dan kemahiran asas sebagai persediaan untuk mengikuti pembelajaran seterusnya.

SOALAN NO : 31

Dalam proses semakan kurikulum, KPM telah melaksanakan kajian perbandingan kurikulum persekolahan di negara ini dengan negara lain seperti Singapura, Australia, Jepun, United Kingdom dan Finland. Dapatan menunjukkan bahawa kurikulum persekolahan di Malaysia setanding dengan kurikulum negara lain.

Bagi memastikan kurikulum sentiasa relevan, KPM terbuka mendengar pandangan pelbagai pihak dan komited untuk melaksanakan penambahbaikan pelaksanaan kurikulum. Penambahbaikan ini bertujuan untuk merapatkan jurang dalam pelaksanaan kurikulum dan seterusnya meningkatkan kemenjadian murid. Antara langkah yang dilaksanakan bagi merapatkan kesenjangan pelaksanaan kurikulum ialah pemugaran kurikulum semasa sekolah rendah, pemugaran pendidikan digital, memperkasakan latihan guru dan melihat semula kesesuaian peruntukan waktu bagi mata pelajaran.

KPM yakin usaha yang dilakukan ini dapat memastikan setiap murid menerima pendidikan yang terbaik dan berkualiti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI SAIFUDDIN ABDULLAH
[INDERA MAHKOTA]**

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI SAIFUDDIN ABDULLAH [INDERA MAHKOTA] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian berkenaan pentaksiran murid di peringkat sekolah rendah dan menengah rendah sama ada KPM akan melaksanakan semula UPSR dan PT3 dengan mengambil kira bahawa Kementerian Pendidikan (KPM) telah pun melaksanakan pentaksiran murid dengan memperkasakan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) yang merangkumi PBD, PAJSK dan ujian akhir kalendar akademik. Ini dilaksanakan susulan pemansuhan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) mulai tahun 2021 dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) mulai tahun 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa berikutan pemansuhan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) mulai tahun 2021 dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) mulai tahun 2022, KPM memberi tumpuan kepada pemerkasaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS), melibatkan komponen Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) serta Pentaksiran Psikometrik (PPsi).

PBS telah diperkenalkan mulai tahun 2011 pada peringkat sekolah rendah dan tahun 2012 pada peringkat sekolah menengah. Pentaksiran ini bertujuan untuk menilai murid dari aspek intelek, emosi, rohani, jasmani dan sosial selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. PBS merupakan proses ansur maju yang menumpukan perkembangan murid secara holistik serta membolehkan guru memantau perkembangan, kemajuan dan penguasaan setiap murid dalam proses pembelajaran mereka termasuk kemahiran asas membaca, menulis dan mengira. Guru juga boleh merancang dan mengubah suai kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi membantu murid meningkatkan tahap penguasaan, pengetahuan, kemahiran dan nilai sebagai asas yang kukuh untuk mengikuti pembelajaran pada peringkat seterusnya.

Melalui PBS juga, perkembangan murid dalam aspek sukan, kokurikulum, nilai murni, minat dan kecenderungan serta pembentukan sahsiah diperkukuh. Hal ini selari dengan teras KPM yang mengutamakan aspek karamah insaniah melalui pembentukan adab, akhlak dan integriti bagi melahirkan anak yang baik lagi cerdas.

KPM yakin bahawa pentaksiran yang bersifat holistik dan berterusan melalui PBS merupakan pendekatan terbaik bagi mengoptimumkan potensi murid secara menyeluruh dan bersepadu. Oleh itu, KPM tiada perancangan untuk memperkenalkan semula UPSR dan PT3 pada masa ini. Sebarang keputusan untuk melaksanakan semula peperiksaan tersebut adalah bergantung pada hasil laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang akan tamat pada tahun 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK IR. SHAHELMEY BIN YAHYA
[PUTATAN]**

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK IR. SHAHELMEY BIN YAHYA [PUTATAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status permohonan untuk mewujudkan Pejabat Pendidikan Daerah di Putatan kerana sehingga kini, hal-hal berkaitan pendidikan untuk daerah Putatan masih ditadbir oleh Pejabat Pendidikan Daerah Penampang (untuk makluman, daerah Putatan adalah sebuah daerah penuh).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semakan awal rekod dari tahun 2020 sehingga 2023 mendapati tiada sebarang permohonan diterima daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah bagi pewujudan Pejabat Pendidikan Daerah Putatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI MUSLIMIN BIN YAHAYA
[SUNGAI BESAR]**

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK HAJI MUSLIMIN BIN YAHAYA [SUNGAI BESAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah rancangan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menaik taraf Kolej Tingkatan Enam seluruh Malaysia yang setara dengan Kolej Matrikulasi dari segi prasarana dan setakat ini berapa peratus pemusatan Tingkatan Enam dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited memastikan institusi pendidikan bawah KPM mempunyai prasarana dan infrastruktur yang lengkap bagi memenuhi keperluan pendidikan termasuklah di peringkat Tingkatan Enam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendidikan Tingkatan Enam terdiri daripada tiga mod iaitu:

- i. Mod 1 iaitu Kolej Tingkatan Enam yang mempunyai sekurang-kurangnya 12 kelas yang menempatkan hanya murid Tingkatan Enam sahaja dan diajar oleh guru akademik yang telah dilantik sebagai guru Tingkatan Enam. Kolej ini mempunyai premis dan pentadbiran yang tersendiri;

SOALAN NO : 34

- ii. Mod 2 iaitu sekolah yang mempunyai sekurang-kurangnya 12 kelas, beroperasi di sekolah arus perdana tetapi di blok atau bangunan yang berasingan. Pusat Tingkatan Enam Mod 2 ditadbir oleh Pengetua arus perdana dengan kerjasama Penolong Kanan Tingkatan Enam; dan
- iii. Mod 3 iaitu sekolah yang mempunyai kurang daripada 12 kelas, berkongsi blok di sekolah arus perdana dan ditadbir oleh Pengetua yang sama dengan arus perdana dengan kerjasama Penolong Kanan Tingkatan Enam.

Sehingga 31 Januari 2023, terdapat 643 buah Pusat Tingkatan Enam (PTE) di seluruh Malaysia yang terdiri daripada 3.89 peratus PTE Mod 1, 14.46 peratus PTE Mod 2 dan 81.65 peratus Mod 3.

KPM komited dalam memastikan semua murid lepasan SPM mendapat peluang untuk melanjutkan pendidikan ke Tingkatan Enam. Peluasan PTE akan diteruskan dari semasa ke semasa dengan mengambil kira permintaan, keperluan serta kelestarian pengoperasian dalam tempoh jangka panjang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH
[ROMPIN]**

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

**DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH [ROMPIN] minta
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
menyatakan :**

- (a) apakah langkah strategik ke arah mengatasi isu bekalan makanan asas dalam negara; dan
- (b) adakah Kementerian mempunyai perancangan tertentu untuk mempertingkatkan kapasiti pengeluaran hasil-hasil pertanian dalam negara yang boleh menyumbang kepada keterjaminan bekalan makanan dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perancangan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) bagi memastikan keterjaminan makanan digariskan melalui pelan jangka panjang melalui Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) dan Pelan Tindakannya. Ini bagi memastikan output pengeluaran serta kualiti penghasilan melalui peningkatan produktiviti dapat dicapai. Melalui DAN 2.0, beberapa keutamaan diberikan perhatian khusus melalui 5 teras dasar seperti berikut:

- a) mendukung pemodenan dan pertanian pintar;
- b) memperkuat pasaran domestik, meningkatkan hasil keluaran yang mempunyai permintaan tinggi dan produk berorientasikan eksport;
- c) membangun bakat yang memenuhi permintaan industri;
- d) meningkatkan amalan pertanian dan sistem makanan yang mampan; dan
- e) menyediakan ekosistem perniagaan yang kondusif dan kerangka institusi yang kukuh.

Perancangan ini diperkukuhkan lagi melalui strategi khusus bagi 4 subsektor utama iaitu padi dan beras, buah-buahan dan sayur-sayuran, ternakan serta perikanan.

Sebagai contoh, tumpuan utama bagi subsektor padi dan beras ialah melonjakkan produktiviti pengeluaran melalui pengurusan penggunaan tanah dan air yang lebih sistematik, penggunaan varieti padi yang dapat meningkatkan penghasilan seterusnya mengurangkan hasil lepas tuai (*post harvest loss*). Bagi mencapai sasaran Kadar Sara Diri (SSR) 80% menjelang tahun 2030, purata hasil padi bagi setiap unit kawasan sawah padi akan dipertingkatkan kepada 5.3 tan metrik bagi setiap hektar yang diusahakan.

Bagi subsektor buah-buahan dan sayur-sayuran pula, Kementerian menyasarkan SSR sebanyak 83.1% bagi buah-buahan dan sebanyak 78.9% bagi sayur-sayuran menjelang 2030. Sehubungan itu, adalah penting untuk pengeluaran ditingkatkan bagi mencapai tahap keterjaminan makanan meliputi aspek ketersediaan makanan bernutrisi. Sasaran penghasilan bagi buah-buahan ialah sebanyak 15 tan metrik bagi setiap hektar dan 20.6 tan metrik setiap hektar bagi tanaman sayur-sayuran. Usaha akan terus ditumpukan bagi mempergiat penyelidikan penyuntingan gen, pengurusan tanah secara

SOALAN NO : 35

cekap, amalan pertanian secara mampan dan melonjakkan pertumbuhan tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran bernilai tinggi.

Bagi subsektor ternakan pula, penekanan akan diberikan terhadap industri ternakan ayam dan itik serta ruminan. Bagi pengeluaran daging ayam dan itik, SSR sebanyak 140% disasarkan untuk dicapai menjelang tahun 2030 manakala 123% pula bagi telur. Bagi ruminan, SSR sebanyak 50% disasarkan bagi daging lembu dan 100% bagi susu segar menjelang tahun 2030. Tumpuan khusus bagi penghasilan daging lembu ialah melalui kaedah penternakan secara fidlot.

Bagi mengurangkan kebergantungan import dan kenaikan kos bahan makanan ternakan, Kementerian menyasarkan untuk meneroka penanaman jagung bijian (*grain corn*) secara berskala besar.

Bagi subsektor perikanan pula, Kementerian akan memfokuskan untuk memperkasa industri akuakultur bagi mencapai sasaran nisbah akuakultur kepada perikanan tangkapan sebanyak 40:60 menjelang 2030. Selain daripada dapat meningkatkan penghasilan ikan makanan, tumpuan ini juga dapat mengimbangi nisbah pendaratan ikan dari hasil tangkapan laut seterusnya memastikan kelestarian sumber perikanan negara dapat dipelihara.

Kementerian turut sedar kepentingan penggunaan teknologi moden seperti aplikasi *internet of thing* (IoT), kecerdasan buatan (AI) serta mekanisasi dan automasi. Sehubungan itu, penekanan Kementerian ialah untuk turut meningkatkan kadar penerimgunaan teknologi bagi keseluruhan subsektor agromakanan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI [Gombak]

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Seri Amirudin bin Shari [Gombak] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- a. perancangan Kerajaan dalam menangani pelajar-pelajar yang ketinggalan sewaktu *lockdown* pandemik COVID-19 yang dikenali sebagai *The Lost Generation*; dan
- b. langkah jangka masa pendek yang telah pun diambil berkenaan perkara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan (KPM) amat memberi perhatian kepada pelaksanaan pendidikan untuk semua dalam usaha merapatkan jurang pendidikan dan mengelakkan keciciran pembelajaran dalam kalangan murid. KPM komited mengambil pelbagai pendekatan dalam mencegah keciciran murid dan menggalakkan murid yang tercicir kembali meneruskan persekolahan.

KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) KPM Bilangan 4 Tahun 2018 bertarikh 31 Mei 2018 berkaitan Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir (GPMBC) di sekolah. Ini bertujuan membantu pihak sekolah mengenal pasti murid berisiko cicir serta mengurus murid berisiko cicir secara berkesan dan sistematik. Selain itu, SPI tersebut menjadi panduan kepada pihak jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah dalam memastikan pemantauan secara berterusan dapat dilaksanakan bagi membantu murid-murid yang berisiko cicir agar mereka kekal bersekolah sehingga tamat Tingkatan 5.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah melaksanakan beberapa strategi bagi membendung penularan masalah keciciran pembelajaran dalam kalangan murid sekolah. KPM telah melaksanakan Program Pemerkasaan Pelaksanaan Kurikulum (KPMPerkasaKU). KPMPerkasaKU memberi fokus yang menyeluruh dalam usaha KPM untuk memulihkan tahap penguasaan murid terhadap pembelajaran mereka. Program ini merupakan satu program yang dirangka oleh KPM bagi menangani pembelajaran murid-murid yang terkesan semasa berlakunya pandemik COVID-19 di negara ini.

Dalam strategi KPMPerkasaKU ini, KPM telah menyediakan bahan sokongan pengukuhan dan pengayaan yang boleh digunakan sebagai aktiviti tambahan bagi memperkukuhkan penguasaan murid sekolah rendah dan menengah. Bahan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang disediakan ini melibatkan semua mata pelajaran di sekolah rendah dan sekolah menengah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM juga telah melaksanakan tiga strategi *Catch-UP Plan* di bawah KPMPerkasaKU. Pelaksanaan *Catch Up-Plan* tersebut adalah seperti berikut:

- i. *Catch Up-Plan 1* (CUP 1) adalah untuk menyelesaikan kandungan asas yang masih berbaki.
- ii. *Catch UP-Plan 2* (CUP 2) adalah untuk menyelesaikan kurikulum yang masih berbaki dan meningkatkan Tahap Penguasaan murid.
- iii. Manakala *Catch Up-Plan 3* (CUP 3) melibatkan mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. CUP 3 menyediakan murid bagi sesi Kalender Akademik 2022/2023. CUP 3 ini merupakan Program Berfokus kepada kumpulan murid yang dikenal pasti memerlukan intervensi bagi memastikan pengetahuan dan kemahiran asas dikuasai.

Bagi memastikan semua program ini dapat disokong pelaksanaannya, KPM telah menyediakan platform Repositori SumberKU. Dalam Repositori SumberKU bahan PdP dipautkan pada pelantar DELIMa serta boleh diakses oleh semua pihak. Selain itu, KPM masih meneruskan rancangan Didik TV KPM. DidikTV KPM merupakan salah satu medium sokongan PdP yang boleh ditonton oleh semua lapisan masyarakat.

KPM juga telah menyediakan bahan sokongan yang merupakan kompilasi modul pedagogi yang telah ditambah baik dengan beberapa modul baharu sebagai rujukan dan panduan guru serta warga KPM. Semua bahan sokongan berkaitan boleh diakses melalui SumberKU di portal DELIMa. KPM juga telah mengadakan beberapa siri webinar pada bulan September 2022 bagi memberi maklumat lanjut berkaitan modul-modul tersebut.

SOALAN NO : 36

Pelaksanaan PdP aktif memerlukan perubahan besar dalam pedagogi dan pendekatan pengajaran dalam bilik darjah. Oleh itu, di samping membangunkan kompetensi diri murid, KPM juga komited dalam melengkapkan guru dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan melalui latihan dan sistem sokongan yang berterusan.

Usaha KPM untuk memastikan pembangunan profesionalisme berterusan guru secara holistik diharap dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan guru seterusnya memberi impak terhadap kemenjadian murid.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM
[GUA MUSANG]**

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM [GUA MUSANG] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam mewujudkan Kolej Tingkatan Enam secara menyeluruh ke setiap negeri, bilangan kolej bagi setiap negeri dalam jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Januari 2023 terdapat sejumlah 643 buah Pusat Tingkatan Enam (PTE) di seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 25 buah atau 3.89 peratus adalah Pusat Tingkatan Enam Mod 1 yang turut dikenali sebagai Kolej Tingkatan Enam (KTE); 93 buah atau 14.46 peratus Pusat Tingkatan Enam Mod 2; dan 525 buah atau 81.65 peratus Pusat Tingkatan Enam Mod 3.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, 11 buah negeri telah mempunyai Kolej Tingkatan Enam kecuali di negeri Kelantan, Perlis, Pahang, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan memulakan operasi dua buah KTE di negeri Pahang iaitu KTE Seri Lipis di Daerah Lipis dan KTE Astana di Daerah Kuantan pada tahun 2023 dan kemasukan murid akan mula dilaksanakan pada Julai 2023.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sedang membina sebuah KTE di negeri Kelantan dan dijangka siap pada tahun 2026. KPM juga sedang meneliti keperluan untuk memperluaskan KTE di Labuan dan Perlis.

KPM berpandangan bilangan KTE pada masa ini masih dapat menampung jumlah kemasukan murid lepasan SPM ke Tingkatan Enam. Walau bagaimanapun, peluasan KTE akan diteruskan dari semasa ke semasa dengan mengambil kira permintaan, keperluan serta kelestarian pengoperasian pendidikan Tingkatan Enam dalam memastikan setiap negeri mempunyai sekurang-kurangnya sebuah KTE.

KPM sentiasa komited dalam memastikan semua murid lepasan SPM mendapat peluang untuk melanjutkan pendidikan ke Tingkatan Enam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah terkini Kementerian dalam menyediakan pembantu guru bagi mengurangkan bebanan tugas guru seperti yang dijanjikan dalam manifesto PH.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat prihatin terhadap isu kebajikan guru di sekolah. Walau bagaimanapun, buat masa ini KPM masih belum mempunyai perancangan untuk mewujudkan sebarang jawatan khusus secara tetap atau kontrak bagi menangani isu beban tugas guru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM pernah melaksanakan pelantikan pembantu guru secara rintis di Melaka dan Kedah pada tahun 2013 hingga 2019. Tugas Pembantu Guru ini adalah untuk melaksanakan kerja-kerja perkeranian, pengurusan data dan maklumat serta tugas berkaitan pengurusan perpustakaan. Walau bagaimanapun, program ini tidak diteruskan mulai tahun 2020 disebabkan implikasi perjawatan dan kewangan yang tinggi kepada Kerajaan.

Walaupun bagaimanapun, KPM telah melaksanakan pelbagai inisiatif yang merangkumi intervensi seperti berikut :

- i. memudahkan pengurusan fail dan dokumentasi;
- ii. pengurusan data dan sistem dalam talian;
- iii. penyeragaman borang dan proses pemantauan; dan
- iv. Sistem Rekod Kesihatan Murid secara dalam talian (e-RKM).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan (MPPK) juga sedang memperhalusi inisiatif-inisiatif dan dapatan kajian berhubung kebajikan guru dan akan mengemukakan syor kepada KPM untuk tindakan selanjutnya.

KPM sentiasa mengambil langkah proaktif dalam usaha mencari penyelesaian terbaik dalam menjamin kesejahteraan guru.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH (BESUT)**

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [BESUT] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status projek pembinaan jejambat di bandar Jertih yang sangat diperlukan untuk mengelak kesesakan yang selalu berlaku terutama pada musim cuti dan perayaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini telah mengangkat cadangan untuk Kerja Awalan dan Rekabentuk bagi projek **Membina Jambatan Merentasi Sg. Besut Di Jerteh, Besut** pada *Rolling Plan 3*, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP3, RMKe-12) untuk pertimbangan Agensi Pusat. Kelulusan bagi cadangan projek ini tertakluk kepada pertimbangan Agensi Pusat berdasarkan keutamaan dan kedudukan kewangan Kerajaan.

Kerja Awalan dan Rekabentuk bagi projek ini perlu dilaksanakan terlebih dahulu sebelum projek ini dilaksanakan bagi mengenal pasti jajaran yang terbaik berdasarkan skop dan kos yang optimum yang menguntungkan Kerajaan dan rakyat di samping memastikan kesan terhadap sosial dan alam sekitar dapat diminimumkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan inisiatif Kerajaan dalam mengawal selia pasaran karbon sukarela yang diwujudkan baru-baru ini, *Bursa Carbon Exchange* (BCX) untuk melengkapkan peraturan sedia ada Bursa Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 29 Oktober 2021, ketika sesi pembentangan Bajet 2022, pihak Kerajaan telah mengumumkan bahawa Bursa Malaysia Berhad (Bursa Malaysia) akan mewujudkan sebuah pasaran karbon sukarela [*Voluntary Carbon Market* (VCM)] bagi Malaysia. Inisiatif ini melibatkan usahasama Kementerian Kewangan, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dengan pihak lain seperti Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Pelancaran rasmi bagi platform VCM berkenaan telah dilangsungkan pada 9 Disember 2022 dan ianya dikenali sebagai *Bursa Carbon Exchange* (BCX).

Urusan-urusan operasi berkaitan BCX seperti syarat kelayakan peserta, penawaran, dan transaksi-transaksi yang berlaku di dalam platform BCX adalah tertakluk kepada peraturan, polisi dan prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak Bursa Malaysia. Dalam melaksanakan inisiatif ini, Bursa Malaysia perlu memastikan agar tahap kepatuhan Bursa Malaysia dan anak-anak syarikatnya dengan undang-undang pasaran modal tidak akan terjejas. Terdapat peraturan dan prosedur untuk *onboarding* peserta (baik di bahagian bekalan dan pembeli), serta operasi BCX. Bursa Malaysia akan memastikan pasaran karbon beroperasi secara adil dan teratur. Selaras dengan bidang kuasa lain, walaupun BCX tidak dikawal selia oleh SC dalam pasaran untuk kelas aset baharu ini, Bursa Malaysia akan melaporkan secara berkala kepada SC mengenai perkembangan BCX.

Untuk memastikan pengendalian pasaran yang adil serta teratur, SC akan memastikan Bursa Malaysia mengambilkira pelbagai aspek termasuk rangka tadbir urus, pengurusan risiko, konflik kepentingan, kecukupan dana dan sumber-sumber lain serta kesaksamaan layanan kepada pengguna-pengguna platform BCX tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHONG ZHEMIN [KAMPAR]

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHONG ZHEMIN [KAMPAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci jumlah kos penyelenggaraan kesemua kereta Menteri dari tahun 2020 sehingga tahun 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Menteri-Menteri Persekutuan telah dibekalkan dengan Kenderaan Rasmi Jawatan (KRJ) model Toyota Vellfire 2.5L bermula April 2021 bagi menggantikan model Proton Perdana 2.4L yang telah dihentikan pengeluaran. Kerajaan telah membayar kos pajakan bulanan yang terdiri daripada kos sewaan serta kos penyelenggaraan dan pembaikan bagi setiap KRJ tersebut. Jumlah kos penyelenggaraan dan pembaikan bagi KRJ Menteri-Menteri Persekutuan dari tahun 2020 hingga 2022 adalah seperti berikut:

Bil	Tahun	Jumlah Kos Penyelenggaraan dan Pembaikan
1	2020	RM672,000.00
2	2021	RM478,991.50
3	2022	RM450,690.66
JUMLAH KESELURUHAN		RM1,601,682.16

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD SYAHIR
BIN CHE SULAIMAN [BACHOK]**

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN [BACHOK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pendirian Kerajaan sama ada bercadang untuk mengembalikan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) memandangkan Kerajaan berdepan dengan keperluan untuk melebarkan hasil cukai dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kerajaan belum bercadang untuk memperkenalkan sebarang cukai baharu atau mengembalikan semula Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Sebarang perubahan polisi berkaitan cukai akan mengambil kira kesan terhadap ekonomi dan kos sara hidup rakyat. Sehubungan itu, Kerajaan sentiasa mengawasi kedudukan ekonomi semasa dan mempertimbangkan langkah-langkah fiskal yang bersesuaian dengan keperluan jangka pendek dan sederhana.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK
BEGRI (BETONG)**

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI [BETONG] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tentang inisiatif Kementerian untuk meningkatkan kualiti pelaksanaan Temporary Road Diversion/Traffic Management Plan yang sering kali menimbulkan kesesakan pengguna jalan raya akibat dari pembinaan jalan serta utiliti oleh syarikat-syarikat utiliti.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia mempunyai garis panduan di mana Pelan Pengurusan Trafik atau dikenali juga sebagai *Traffic Management Plan* (TMP) untuk kerja-kerja pembinaan mahupun penyenggaraan jalan yang perlu mematuhi Arahan Teknik Jalan (ATJ 2C/85) Pindaan 2017 - *Manual on Traffic Control Devices Temporary Signs and Work Zones Control*.

Bagi kerja-kerja pembinaan jalan raya baharu atau menaiktaraf jalan raya sedia ada, Standard Operating Procedure (SOP) adalah merangkumi:

- 1) Pelan Pengurusan Trafik (TMP) Sewaktu Pembinaan; di mana ia perlu disediakan oleh Kontraktor di peringkat awal kerja-kerja pembinaan dan perlu disemak oleh Auditor Keselamatan Jalan serta diluluskan oleh Pegawai Penguasa (SO). TMP ini akan diaudit setiap tiga (3) bulan oleh Auditor Keselamatan Jalan sepanjang tempoh pembinaan untuk memastikan keselamatan pengguna jalan raya dan keadaan trafik diuruskan dengan baik;
- 2) *Standard Operation Procedure* (SOP) bagi Keselamatan Pekerja; dan
- 3) *Emergency Response Plan* (ERP) sekiranya berlaku kemalangan di kawasan tapak

Pematuhan kepada SOP ini akan dipastikan oleh pihak JKR Bahagian/Daerah dan akan dinilai semula dari semasa ke semasa bagi memastikan keselamatan semua dan kelancaran aliran trafik. Pematuhan ini juga adalah merangkumi kerja-kerja yang melibatkan syarikat utiliti.

Bagi kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor syarikat utiliti, TMP yang disediakan oleh Pegawai Pengurusan Trafik (TMO) dengan merujuk kepada Arahan Teknik Jalan terkini merupakan antara syarat yang perlu dipatuhi oleh pihak utiliti sebelum permit (kebenaran) kerja penanaman utiliti dikeluarkan oleh pihak JKR.

Selanjutnya, pihak utiliti perlu memantau kerja-kerja yang dilaksanakan selaras dengan TMP tersebut. Jika terdapat pelanggaran atau ketidakpatuhan kepada kelulusan yang telah diberikan oleh pihak JKR, satu Arahan Pemberhentian Kerja (Stop Work Order) akan dikeluarkan kepada pihak kontraktor. Pihak kontraktor tidak dibenarkan meneruskan kerja-kerja di tapak sehingga keseluruhan teguran ketidakpatuhan telah ditambahbaik dan dipatuhi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED
ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah projek pembinaan Sekolah Pendidikan Khas di tanah Pendidikan Simpang (Tanah PTP PT 280/ HSD 25368 dan Tanah PTP PT 281/ HSD 25369) akan diteruskan di bawah Kerajaan baharu ini. Bilakah pecah tanah atau mula projek boleh dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited dalam menyediakan infrastruktur pendidikan yang selamat dan kondusif untuk kegunaan murid dan warga sekolah di seluruh negara termasuk negeri Perak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah diluluskan projek Membina Kompleks Pendidikan Khas Taiping Fasa 1 Yang Mengandungi Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas 18 Bilik Darjah Berserta Kelengkapan Perabot dan Peralatan serta Lain-Lain Kemudahan di Mukim Simpang, Taiping, Perak dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) *Rolling Plan 2* (RP2) tahun 2022 di atas tanah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) PT 280/ HSD 25368 dan PT 281/ HSD 25369.

Status terkini projek adalah di peringkat pra bina iaitu dalam proses akhir pengurusan nilai projek serta penyediaan pelan konsep dan reka bentuk. Projek dijangka diiklankan pada September 2023 dan Surat Setuju Terima (SST) kepada kontraktor dijangka dapat dikeluarkan pada Disember 2023. Pelaksanaan projek akan bermula apabila SST kepada kontraktor telah dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
[BELURAN]**

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE [BELURAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan semula Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) bagi menggantikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kerajaan belum bercadang untuk memperkenalkan sebarang cukai baharu atau mengembalikan semula Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Sebarang perubahan polisi berkaitan cukai akan mengambil kira kesan terhadap ekonomi dan kos sara hidup rakyat. Sehubungan itu, Kerajaan sentiasa mengawasi kedudukan ekonomi semasa dan mempertimbangkan langkah-langkah fiskal yang bersesuaian dengan keperluan jangka pendek dan sederhana.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ALI ANAK BIJU [SARATOK]

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK ALI ANAK BIJU [SARATOK] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a) peruntukan yang akan disalurkan untuk membina semula atau membaik pulih sekolah-sekolah daif di Sarawak dan untuk kawasan parlimen Saratok secara khususnya; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk menambah peruntukan sedia ada yang telah dimasukkan ke dalam RMK12 atau RMK13.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited dalam menyediakan infrastruktur pendidikan yang selamat dan kondusif untuk kegunaan murid dan warga sekolah di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Sementara Tahun 2023 yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri pada 20 Disember 2022, sejumlah RM189.775 juta telah diperuntukan untuk membiayai projek menaik taraf dan membangunkan semula bangunan daif sedia ada di sekolah seluruh Sarawak. Khusus untuk Parlimen Saratok pula, sejumlah RM6.1 juta telah diperuntukkan di bawah belanjawan tersebut.

KPM telah dan akan terus mengemukakan permohonan peruntukan bagi menaik taraf dan membangunkan semula bangunan daif di sekolah melalui *Rolling Plan* dalam Rancangan Malaysia Ke-12 dan Rancangan Malaysia Ke-13. Walau bagaimanapun, permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan agensi pusat dan kedudukan kewangan semasa Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN HONG PIN [BAKRI]

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN TAN HONG PIN [BAKRI] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menangani masalah kekurangan telur ayam gred A, B dan C di pasaran. Adakah Kementerian bersedia mengkaji semula kadar subsidi yang diberikan kepada penternak dan pengeluar telur ayam setiap minggu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) telah mengambil langkah-langkah untuk menangani masalah kekurangan telur ayam gred A, B dan C di pasaran melalui pelaksanaan langkah jangka pendek dan jangka panjang seperti berikut:

(a) Jangka pendek:

- (i) memberi subsidi kepada penternak ayam penelur untuk membantu mengatasi kenaikan kos pengeluaran, mulai 5 Februari 2023 hingga kini. Sehingga 13 Februari 2023, sebanyak 1,638 permohonan bernilai RM553,191,168.92 subsidi telah diluluskan kepada penternak;
- (ii) membenarkan pengimportan telur dari luar negara mulai Disember 2022; dan
- (iii) membenarkan pengimportan anak ayam (*Day Old Chick* – DOC) atau telur bernas dari negara Brazil, New Zealand, Perancis dan Australia bagi memastikan stok pengganti ayam penelur mencukupi.

(b) Jangka panjang:

- (i) mengurangkan kebergantungan kepada sumber jagung import sebanyak 30% menjelang tahun 2032 bagi makanan ternakan ayam menerusi inisiatif penanaman jagung bijian dalam negara;
- (ii) menjalankan kajian bagi menghasilkan bahan mentah gantian bagi makanan ayam dari sumber tempatan berasaskan isirung sawit seperti PKC/PKE; dan

NO. SOALAN : 47

- (iii) menawarkan pinjaman mudah melalui Agrobank sebanyak RM300 juta kepada penternak ayam melalui Dana Pembiayaan Agromakanan untuk membantu penternak mengatasi masalah modal pusingan kewangan yang terjejas akibat kenaikan kos pengeluaran.

Kadar subsidi untuk penternak ayam penelur telah disemak beberapa kali. Pada 2 November 2022, kadar subsidi telur dinaikkan kepada RM0.10 sen/biji berbanding RM0.30 sen/biji sehingga RM0.08 sen/biji sebelumnya.

MAFS akan terus memainkan peranan penting bagi memastikan rakyat terus mendapat bekalan makanan yang mencukupi dan pada harga berpatutan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG KAH WHO [TAIPING]

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN WONG KAH WOH [TAIPING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan hutang negara terkini dan apakah punca kenaikan hutang negara setiap tahun. Nyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan dalam menyelesaikan hutang negara yang semakin meningkat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dari segi faktanya, hutang dan liabiliti Kerajaan sehingga akhir 2022 hampir mencecah RM1.5 trilion iaitu 81% kepada KDNK. Secara terperinci, jumlah ini meliputi hutang Kerajaan Persekutuan (RM1,079.6 bilion), komitmen jaminan (RM205.9 bilion), 1MDB (RM18.2 bilion) dan liabiliti lain (RM142.2 bilion) dengan jumlah keseluruhan RM1.5 trilion.

Kalau dikira dari segi peratus KDNK, hutang Kerajaan Persekutuan telah mencecah 60.4%. Bayaran khidmat hutang atau debt service charges yang telah dibayar pada 2022 adalah sekitar RM41 bilion, dan RM46 bilion pada tahun 2023. Peratus bayaran ini kepada hasil untuk 2022 adalah 14% dan untuk 2023 adalah 16%. Ini bermakna bayaran khidmat hutang negara tinggi dan ianya hanya untuk membayar faedah, dan bukannya membayar pokok hutang yang tertunggak.

Langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan peningkatan paras hutang, pertamanya, memperbaiki tatakelola kerana diantara perbelanjaan bilion ringgit yang hilang ini adalah kerana pengurusan yang lemah dan ketirisan, menyebabkan hutang lebih tinggi daripada pertumbuhan ekonomi negara. Langkah-langkah lain ialah memastikan asas hasil ditambah dan *review* ataupun *public expenditure review* iaitu mengkaji semula kaedah perbelanjaan awam tanpa membebankan rakyat terutama dalam bidang Pendidikan, Kesihatan dan prasarana asas. Hal ini kita boleh cerakin dalam Pembentangan Belanjawan pada 24 Februari ini, InsyaAllah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD [RANTAU PANJANG] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada pihak Kerajaan berhasrat untuk memasukkan kumpulan rentan khususnya gelandangan agar diletakkan di bawah mana-mana Kementerian secara khusus.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pengendalian isu gelandangan, antara lain, turut mempunyai perkaitan dengan isu pengemisan dan miskin bandar. Bagi mengendalikan isu ini secara lebih berkesan, ia memerlukan sokongan, tindakan dan kerjasama dari pelbagai pihak, bukan sahaja merentasi Kementerian dan agensi Kerajaan Persekutuan, tetapi pada masa yang sama memerlukan penglibatan dan kerjasama dari Kerajaan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
2. Bagi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), pendekatan perundangan akan digunakan bagi memastikan isu ini dapat ditangani dengan lebih teratur. Susulan itu, KPWKM telah mengambil tindakan dan kini sedang menjalankan kajian bagi semakan semula Akta Orang-Orang Papa 1977.

3. Objektif kajian ini ialah:

- (i) Mengenalpasti peruntukan sedia ada di dalam Akta Orang-orang Papa 1977 yang tidak relevan dan memerlukan pendekatan baharu yang lebih praktikal dan bersesuaian dalam menangani isu gelandangan, pengemisan dan kemiskinan bandar;
- (ii) Menyediakan cadangan kepada Kerajaan mengenai kandungan, pendekatan dan skop rang undang-undang dan pelan tindakan ke arah inisiatif pengendalian isu gelandangan, pengemisan dan kemiskinan bandar meliputi peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan; dan
- (iii) Menggubal satu rang undang-undang (RUU) berkaitan gelandangan, pengemisan dan kemiskinan bandar.

4. Ketetapan sama ada gelandangan diletakkan di bawah mana-mana Kementerian secara khusus hanya akan dapat diputuskan selepas kajian selesai dijalankan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI JALALUDDIN BIN ALIAS
[JELEBU]**

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI JALALUDDIN BIN ALIAS [JELEBU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah terdapat sebarang kemungkinan Kerajaan akan melaksanakan semula GST yang dikatakan mampu menyelamatkan Malaysia daripada beban hutang sebanyak RM 1.5 trilion.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kerajaan belum bercadang untuk memperkenalkan sebarang cukai baharu atau mengembalikan semula Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Sebarang perubahan polisi berkaitan cukai akan mengambil kira kesan terhadap ekonomi dan kos sara hidup rakyat. Sehubungan itu, Kerajaan sentiasa mengawasi kedudukan ekonomi semasa dan mempertimbangkan langkah-langkah fiskal yang bersesuaian dengan keperluan jangka pendek dan sederhana.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
[BERA]**

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB [BERA] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian dalam memastikan industri getah negara mampu berkembang dengan lebih pesat serta memastikan industri dalam negara menggunakan getah tempatan bagi membantu melonjakkan harga komoditi tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian sentiasa prihatin dan berusaha untuk memastikan harga komoditi sentiasa stabil dan mampan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga komoditi getah adalah bersifat turun naik (*fluctuate*) kesan daripada prospek ekonomi global, permintaan dan penawaran industri, peningkatan kos bahan mentah dan tenaga, peningkatan lebihan stok getah asli dunia dan kebimbangan terhadap kesan geopolitik.
2. Untuk makluman, pengeluaran getah tempatan pada tahun 2021 adalah terdiri daripada 395,594 tan metrik getah sekerap (*cuplump*) dan 33,709 tan metrik lateks. Memandangkan permintaan yang tinggi oleh industri hiliran terhadap lateks dan faktor kekurangan bekalan tempatan, maka jumlah import lateks yang tinggi terutama daripada Thailand dengan nilai RM3.17 bilion (337,255 tan metrik) bagi tahun 2021.
3. Justeru itu, Kementerian Perladangan dan Komoditi melalui Lembaga Getah Malaysia (LGM) telah melaksanakan Insentif Pengeluaran Lateks (IPL) khusus bagi menggalakkan pekebun kecil getah menghasilkan lateks. Program ini memberi peluang kepada pekebun kecil getah untuk menambah pendapatan dengan memberigalakan kepada mereka untuk beralih kepada menghasilkan susu getah (lateks) berbanding getah sekerap.
4. Bagi setiap peserta pekebun kecil getah yang menyertai program ini, mereka akan menerima insentif tunai sebanyak RM1.00 sekilogram bagi 100% kandungan getah kering (KGK). Para peserta juga menerima bantuan di dalam bentuk input pertanian seperti baja dan racun yang bernilai RM850.00 bagi setiap hektar secara sekali beri (*one-off*).
5. Selain itu, Kementerian Perladangan dan Komoditi turut melaksanakan Insentif Pengeluaran Getah (IPG). Kerajaan telah melaksanakan IPG sejak tahun 2015 bertujuan untuk mengurangkan beban pekebun kecil ketika harga getah di pasaran rendah di samping menggalakkan mereka untuk terus menoreh. Melalui pelaksanaan IPG,

pekebun kecil akan menerima harga getah peringkat ladang (*farm gate*) (50% kandungan getah kering - KGK) sekurang-kurangnya pada harga RM2.50 sekilogram. Sejak pelaksanaan IPG pada September 2015 sehingga 31 Disember 2022, IPG telah diagihkan kepada 207,128 pekebun kecil di seluruh negara dengan nilai pembayaran berjumlah RM446 juta.

6. Selain itu, kerajaan telah melaksanakan Projek Transformasi Perusahaan Getah Negara (TARGET). Pelaksanaan Projek TARGET melalui konsep koperasi pekebun kecil dan pengusaha ladang getah tempatan bertujuan untuk meningkatkan pendapatan secara kluster pekebun kecil getah dengan cara memendekkan rantai bekalan melalui penglibatan kluster pekebun dalam rantai industri getah (integrasi menegak). Projek ini dijangka dapat menambah nilai getah dan memberi pulangan dan pendapatan yang lebih baik kepada pekebun kecil.

7. Kerajaan akan memastikan industri getah kekal berdaya maju dan terus berkembang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengenakan cukai atau memberi insentif karbon untuk menggalakan penggunaan tenaga hijau yang lebih mesra alam sekitar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak berhasrat untuk melaksanakan cukai karbon dalam masa terdekat, namun Kerajaan melihat terdapat keperluan jangka panjang untuk mengkaji kebolehlaksanaan cukai karbon sebagai salah satu instrumen bagi menyokong aspirasi negara dalam mencapai pengurangan intensiti pelepasan gas rumah kaca sebanyak 45 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar pada tahun 2030, sepertimana yang disasarkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12.

Namun, kajian pelaksanaan cukai karbon perlu dibuat secara komprehensif bagi mengenal pasti mekanisme yang bersesuaian di negara ini serta impak pelaksanaannya terhadap industri dan pengguna. Kajian ini juga perlu merujuk kepada amalan terbaik yang telah dilaksanakan di negara-negara lain yang telah terdahulu melaksanakan cukai karbon.

Mekanisme pelaksanaan cukai karbon juga perlu berpandukan kepada dasar berkaitan mitigasi karbon yang dirangka oleh Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim serta selari dengan Aspirasi Negara Rendah Karbon 2040 yang disasarkan di bawah Dasar Tenaga Negara. Di samping itu, formulasi dasar cukai karbon perlu turut diselaraskan dengan dasar pemberian subsidi ke atas bahan api supaya kedua-dua objektif dasar tersebut tidak bercanggah antara satu sama lain.

Kerajaan turut memberi fokus kepada keperluan untuk pembangunan negara melalui pertumbuhan hijau yang memberi penekanan kepada pembangunan rendah karbon, kecekapan dan kemampanan sumber serta pemeliharaan alam sekitar. Bagi menggalakkan penggunaan teknologi hijau dan sumber yang boleh diperbaharui sebagai salah satu inisiatif menyokong aspirasi negara,

Kerajaan pada masa ini telah menyediakan insentif cukai, antaranya seperti berikut:

- i. *Green Investment Tax Allowance* (GITA) iaitu Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100 peratus diberi kepada syarikat yang membuat perbelanjaan modal bagi menjalankan aktiviti hijau yang layak. Elaun ini boleh ditolak sehingga 70 peratus daripada pendapatan berkanun; dan
- ii. *Green Income Tax Exemption* (GITE) iaitu pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70 peratus ke atas pendapatan berkanun diberi kepada syarikat yang menjalankan aktiviti perkhidmatan hijau yang layak termasuk aktiviti *solar leasing*.

Di samping itu, Kerajaan turut menyokong usaha untuk meningkatkan mobiliti mesra alam ke arah mencapai status Negara Rendah Karbon, dengan menggalakkan pembangunan dan penggunaan kenderaan mesra alam yang mengurangkan pencemaran udara. Bagi mencapai hasrat tersebut, Kerajaan telah menyediakan insentif cukai seperti berikut:

- i. pengecualian duti import sepenuhnya ke atas komponen untuk kenderaan elektrik pemasangan tempatan;
- ii. pengecualian duti eksais dan cukai jualan sepenuhnya ke atas kenderaan elektrik pemasangan tempatan;
- iii. pengecualian duti import dan duti eksais sepenuhnya ke atas kenderaan elektrik import; dan
- iv. pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM2,500 bagi kos pemasangan, sewaan, dan pembelian termasuk sewa-beli peralatan atau yuran langganan kemudahan pengecasan kenderaan elektrik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
[KUALA LANGAT]**

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI [KUALA LANGAT] minta
MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :

- (a) apakah dasar pembangunan sekolah arus perdana/kebangsaan di kawasan pembangunan bandar-bandar baharu; dan
- (b) kenapa perlunya tapak-tapak sekolah yang telah diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan diserahkan semula kepada Kerajaan Negeri sekiranya belum ada peruntukan pembangunan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha secara berterusan dalam memastikan penyediaan kemudahan sekolah adalah mencukupi bagi keperluan masyarakat setempat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi cadangan pembinaan sekolah arus perdana atau kebangsaan di kawasan bandar-bandar baharu, KPM akan mendapatkan input dan cadangan pembinaan sekolah daripada jabatan pendidikan negeri. Seterusnya, KPM akan melaksanakan analisis keperluan secara terperinci. Selain daripada kesediaan tapak atau tanah, perkara lain yang diambil kira adalah bilangan dan kapasiti sekolah sedia ada yang berhampiran, kepadatan penduduk di kawasan sekitar, liputan kawasan tadahan penduduk (catchment area) serta perancangan pembangunan kawasan tersebut berdasarkan perbincangan bersama-sama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Berhubung keperluan tapak-tapak sekolah hak milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP), KPM komited untuk memastikan projek pembangunan dilaksanakan di setiap tapak sekolah tersebut berdasarkan keperluan perancangan pembangunan sekolah di seluruh negara.

Walau bagaimanapun, terdapat juga keadaan apabila tapak tanah bagi tujuan pembinaan sekolah ini didapati tidak sesuai untuk dibangunkan disebabkan faktor-faktor tertentu seperti kesesuaian bentuk muka bumi tanah, luas kawasan dan lokasi, serta tiada keperluan pembangunan institusi pendidikan di tapak tersebut pada masa akan datang. Oleh yang demikian, Kerajaan Persekutuan boleh melupuskan tanah tersebut kepada mana-mana orang yang layak seperti mana yang digariskan dalam Perkara 86 Perlembagaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan juga boleh menawarkan pelepasan tanah-tanah rizab Persekutuan kepada Kerajaan Negeri tertakluk kepada syarat-syarat yang ditentukan selaras dengan Perkara 85(3) Perlembagaan Persekutuan. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA
DR. JEFFREY G. KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY G. KITINGAN [KENINGAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah hasil yang dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan/Agensi-Agensi Persekutuan yang lain dari Sabah bagi tahun 2018 - 2022 dari berapa jumlah dikutip oleh mereka berasas hasil yang diperolehi dari Sabah untuk tempoh yang sama misalnya cukai pendapatan petroleum dan cukai pendapatan yang dikutip daripada Petronas, Petron, Shell Malaysia, IOI Plantations, FELDA, FGV daripada keuntungan yang diperolehi daripada operasi mereka di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia mengutip hasil cukai langsung dan cukai tidak langsung dari Negeri Sabah yang merangkumi cukai pendapatan syarikat dan individu, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, duti setem, duti import, duti eksport, duti eksais, cukai jualan dan cukai perkhidmatan. Hasil bukan cukai pula seperti bayaran lesen, permit, denda, penalti dan sewaan dikutip oleh Jabatan/Agensi Persekutuan yang lain.

Pertanyaan Ahli Yang Berhormat mengenai jumlah kutipan hasil dari Negeri Sabah adalah salah satu perkara yang dirujuk dalam saman yang telah difailkan ke mahkamah terhadap Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah. Oleh yang demikian, tiada apa-apa ulasan atau jawapan boleh diberikan pada masa ini atas dasar *sub judice*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA
[TAMPIN]**

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA [TAMPIN] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk memperkenalkan semula Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) atau mewujudkan peperiksaan yang selaras dengannya, memandangkan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) dan pentaksiran bilik darjah (PBD) tidak dapat mengukur pencapaian sebenar murid dengan tepat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa berikutan pemansuhan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) mulai tahun 2021 dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) mulai tahun 2022, KPM memberi tumpuan kepada pemerkasaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS), melibatkan komponen Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) serta Pentaksiran Psikometrik (PPsi).

PBS telah diperkenalkan mulai tahun 2011 pada peringkat sekolah rendah dan tahun 2012 pada peringkat sekolah menengah. Pentaksiran ini bertujuan untuk menilai murid dari aspek intelek, emosi, rohani, jasmani dan sosial selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. PBS merupakan proses ansur maju yang menumpukan perkembangan murid secara holistik

SOALAN NO : 55

serta membolehkan guru memantau perkembangan, kemajuan dan penguasaan setiap murid dalam proses pembelajaran mereka termasuk kemahiran asas membaca, menulis dan mengira. Guru juga boleh merancang dan mengubah suai kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi membantu murid meningkatkan tahap penguasaan, pengetahuan, kemahiran dan nilai sebagai asas yang kukuh untuk mengikuti pembelajaran pada peringkat seterusnya.

Melalui PBS juga, perkembangan murid dalam aspek sukan, kokurikulum, nilai murni, minat dan kecenderungan serta pembentukan sahsiah diperkukuh. Hal ini selari dengan teras KPM yang mengutamakan aspek karamah insaniah melalui pembentukan adab, akhlak dan integriti bagi melahirkan anak yang bijak lagi cerdik.

KPM yakin bahawa pentaksiran yang bersifat holistik dan berterusan melalui PBS merupakan pendekatan terbaik bagi mengoptimumkan potensi murid secara menyeluruh dan bersepadu. Oleh itu, KPM tiada perancangan untuk memperkenalkan semula UPSR atau mewujudkan peperiksaan yang selaras dengannya pada masa ini. Sebarang keputusan untuk melaksanakan semula peperiksaan adalah bergantung pada hasil laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang akan tamat pada tahun 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NURUL AMIN BIN HAMID
[PADANG TERAP]**

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN NURUL AMIN BIN HAMID [PADANG TERAP] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan jumlah pampasan yang dibayar Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Kedah bagi mengekalkan tanaman padi berjumlah RM111 juta, sepertimana yang dituntut Kerajaan Negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MAFS mengambil maklum akan cadangan insentif fiskal pengekalan kawasan tanaman padi di negeri-negeri pengeluaran padi yang utama dalam negara, khususnya Negeri Kedah seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Padang Terap.

Pada masa kini, MAFS sangat komited untuk mengekalkan Kedah terutamanya, sebagai jelapang padi utama negara bagi menyokong usaha memastikan keterjaminan dan kecukupan bekalan makanan negara. Oleh itu, kawasan jelapang padi negeri Kedah akan terus diberikan perhatian oleh Kerajaan Persekutuan, khususnya bagi meningkatkan pendapatan petani yang rata-ratanya berada dalam golongan berpendapatan rendah iaitu B40. Sehubungan itu, MAFS berharap agar kerajaan-kerajaan negeri dapat terus memberikan komitmen dalam mengekalkan kawasan tanaman padi yang sedia ada bagi memenuhi keperluan makanan ruji serta sekuriti makanan rakyat Malaysia.

Secara umumnya, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah RM1.53 bilion pada tahun 2022 dalam bentuk input dan output pertanian bersubsidi. Bagi kawasan Kedah dan MADA secara khususnya, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan hampir RM368 juta dalam bentuk input dan output pertanian bersubsidi yang memberikan manfaat terus kepada lebih 46,000 orang pesawah. Walau bagaimanapun, MAFS tidak mempunyai peruntukan khusus berkenaan bayaran pampasan terhadap pengekalan tanaman padi sehingga kini. Oleh yang demikian, MAFS bersama pihak-pihak berkepentingan lain akan terus berbincang bagi mewujudkan satu situasi menang-menang demi agenda sekuriti makanan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN TUN
HUSSEIN [SEMBRONG]**

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN (SEMBRONG) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** nyatakan apakah langkah jangka masa Kerajaan menangani cabaran Malaysia sebagai status *super aged nation* menjelang 2056 berdasarkan kajian World Bank?

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Menjelang tahun 2030, Malaysia akan mencapai status negara tua apabila dijangka sebanyak 15.3% daripada populasi rakyat negara ini akan berumur 60 tahun dan ke atas. Selaras dengan keperluan semasa dan akan datang, **Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN)** merupakan komitmen kerajaan untuk mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup dalam pembangunan Negara.

2. DWEN dan PTWEN merupakan agenda tetap dalam mesyuarat **Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara (MPPWEN)** bagi merangka, melaksana, memantau dan menilai program-program warga emas di negara ini bagi mendokong lima (5) dimensi utama yang digariskan, iaitu:

- (i) kesihatan (penuaan sihat);
- (ii) sosial (penuaan aktif);
- (iii) ekonomi (penuaan produktif);
- (iv) kerohanian (penuaan positif); dan
- (v) persekitaran (penuaan menyokong).

3. Setelah lebih sepuluh tahun berlalu, berlaku banyak perubahan berkaitan pembangunan warga emas di dalam negara ini merangkumi isu-isu seperti perlindungan, penjagaan, sosio ekonomi dan psikologi. Malah perkara yang paling ketara adalah Malaysia berhadapan dengan isu kepantasan peralihan menuju ke arah negara tua. Justeru, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) telah mengambil langkah awal untuk menangani isu penuaan penduduk dengan melaksanakan usaha **semakan semula PTWEN** sedia ada bagi mendapatkan pandangan dan input daripada agensi peneraju dan pelaksana bagi menghasilkan **Pelan Tindakan Warga Emas Negara 2023-2030**.

4. KPWKM mengambil pendekatan proaktif dengan menggubal **akta khusus untuk warga emas** yang bertujuan untuk melindungi, mengiktiraf hak warga emas dan memperkasakan warga emas. Penggubalan akta warga emas ini dilihat sebagai persediaan yang positif ke arah negara tua selaras objektif Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) yang menggariskan penjana semula ekonomi, pengukuhan keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti, serta lonjakan kemampunan.

5. Menyedari perubahan demografi yang sedang dialami terutamanya penuaan penduduk, Kerajaan kini mempersiapkan negara bagi menangani impak negara menua (*ageing*), tua (*aged*) dan sangat tua (*super-aged*) dengan mengarus perdana **Agenda Negara Menua (ANM)**. ANM ini dipersetujui oleh Kerajaan untuk diterajui dan diselaraskan oleh Kementerian Ekonomi [dahulunya Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM)]. ANM adalah '*policy response*' kepada perubahan demografi negara, meliputi antaranya corak penuaan populasi dan penurunan kadar kesuburan yang memberi kesan negatif kepada pertumbuhan ekonomi dalam jangka masa panjang sekiranya tidak ditangani dengan baik.

6. Kementerian Ekonomi memaklumkan Pelan Tindakan Penuaan Kebangsaan (*National Ageing Blueprint*) yang komprehensif, merangkumi rangka kerja dan pelan tindakan jangka masa pendek, sederhana dan panjang sedang dirangka dengan kerjasama *World Bank*. Pelan Tindakan ini akan membantu aspek perancangan dan pelaksanaan strategi dan program menangani impak negara tua dan sangat tua.

Sekian, terima kasih.